

فتیقن تیتہ

PETIKAN TITAH

"APA yang kita pentingkan dalam membudayakan semua bidang ialah keseimbangan kemajuan fizikal dan kekuatan rohani. Kedua-duanya kita suburkan sehingga berakar umbi." - Titah sempena Hari Kebangsaan kali ke-15 pada 23 Februari, 1999.



قلیتا برونی Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

مانسنا ایمان

MANISNYA IMAN

"HA! orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar. Supaya Ia memberi taufik dengan menjadikan amal-amal kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan ingatlah sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya Ia telah mencapai sebesar-besar kejayaan." - Surah Al-Ahzab ayat 70-71.

TAHUN 45 BILANGAN 29 RABU 19 JULAI, 2000 / 1421 ربيع الأخير، 17 رابو

PERCUMA

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm email: pelita@brunet.bn Talian penting PELITA BRUNEI : (02) 383941/(02) 383804 Faks : (02) 381004/(02) 380507

درکهایو کباوه دولی توان قاتیک Dirgahayu Kebawah Duli Tuan Patik

Sistem nilai baik tetap dipertahan

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai.- Negara Brunei Darussalam bersedia menerima sebarang perubahan akan tetapi sistem nilai yang baik akan tetap menjadi pilihan bahkan terus dipertahankan.

"Di antaranya yang paling terbilang ialah kekal dalam kesetiaan dan kecintaan terhadap agama, bangsa, raja dan negara," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya menekankan bahawa semua itu telah pun menjadi darah daging masyarakat negara ini dan akan terus dipelihara.

Terdahulu, baginda menyentuh mengenai kepesatan arus perubahan sejagat, yang

Oleh Sahari Akim

disadari bahawa sistem nilai masyarakat serta aspirasi rakyat akan turut sama mengalami perubahan.

Baginda bertitah seperti orang lain, Negara Brunei Darussalam juga kadang-kadang mempunyai masalahnya sendiri yang walaupun mungkin merisaukan, namun alhamdulillah dapat diselesaikan dengan baik.

Lihat muka 16



110
HARI LAGI



AMANAT PEMIMPIN KITA ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran di Istana Nurul Iman pada 15 Julai, 2000. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berangkat ke istiadat yang gilang-gemilang itu.



PELITA BRUNEI
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

19 JULAI, 2000 BERSAMAAN 1421 ربيع الآخر 17

Dari Sidang Pengarang

دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمَهَا
قَمُورُهُ دَانِ مَهَا قِيَابُغْ

PUSAT KEWANGAN ANTARABANGSA DITUBUHKAN

DALAM keadaan dunia yang mengalami banyak perubahan serta cabaran yang hebat di abad baru ini, Negara Brunei Darussalam terus dapat menikmati keamanan, pembangunan dan kemajuan. Namun demikian memang belum masanya negara kecil ini berpuas hati dengan apa yang ada, melainkan terus melangkah mengemaskan diri mengukuhkan langkah bagi menghadapi persaingan global dengan menyusun beberapa strategi yang diyakini boleh memantapkan lagi kemajuan pembangunan dan ekonomi negara serta kesejahteraan rakyatnya.

Salah satu strategi yang dimaksudkan itu ialah penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei yang diumumkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda baru-baru ini di Singgahsana Istana Nurul Iman. Hasrat untuk menubuhkan pusat tersebut ialah untuk menjadikan negara kita sebagai pusat kewangan kepada sektor perkhidmatan, terutama sekali sektor kewangan, bank, sekuriti dan insurans yang baginda harapkan dalam titah tersebut, usaha ini dijangka akan dapat membuka peluang-peluang pekerjaan, di samping membolehkan peralihan kepakaran dan teknologi di bidang kewangan kepada anak-anak tempatan. Yang jelas pusat kewangan itu nanti akan menjadi pemudahcara dan pendorong dalam urusan perniagaan bukan sahaja kepada rakyat dan penduduk negara ini malah kepada pelabur-pelabur atau pengusaha-pengusaha luar negara.

Di samping itu penubuhan pusat kewangan tersebut sememangnya akan mengukuhkan lagi kewujudan Pusat Perkhidmatan Perdagangan dan Pelancongan (SHUTT) yang ditubuhkan oleh kerajaan sejak beberapa tahun lalu ke arah mempergiatkan perdagangan dan pelancongan terutamanya bagi rantau Kawasan Pertumbuhan Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA).

Langkah ini memang suatu usaha besar dalam bidang kewangan yang bertaraf antarabangsa di negara ini. Tidak syak lagi langkah ini akan memperkukuhkan beberapa aktiviti ke arah mempelbagaikan sumber ekonomi negara yang bukan berorientasikan minyak dan gas. Usaha ini tidak boleh dilihat sebagai impian semata-mata, kejayaan dan hasilnya sebenarnya sudah menunggu di hadapan kita. Tinggal lagi sejauh mana kesungguhan dan kewibawaan kita untuk merealisasikan, sejauh mana sokongan dan dukungan yang boleh kita berikan dan sejauh mana kebijaksanaan kita mengambil peluang-peluang dan manfaat dari penubuhan pusat kewangan itu nanti.

Mungkin masih ramai yang merasakan kita sebagai negara kecil ditambah lagi dengan kekurangan pakar di bidang berkenaan mustahil untuk dapat menandai tugas besar dan berat itu. Alasan itu sudah ketinggalan zaman, bukan lagi masanya kita kecil tidak boleh menjadi 'indung' atau pemimpin, dengan kata lain terus menerus membiarkan saja orang lain cemerlang dan mempolopori usaha-usaha besar dan kita semata-mata menjadi penumpang atau penonton saja. Kalau sikap ini yang menjadi pegangan bangsa Brunei, berarti kita menempa kemunduran dan terus tertinggal oleh bangsa-bangsa lain. Justeru itu kita tidak ada pilihan selain dari mesti keluar dari kepompong tersebut membebaskan diri kita, membuka minda dan semangat untuk membina bangsa cemerlang negara gemilang.

Berdasarkan kepada kejayaan negara kita memperkenalkan sistem kewangan dan insurans Islam di negara ini di mana kedua-dua sektor itu mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dan malahan semakin berkembang. Bukti, sedikit waktu lagi sebuah lagi bank yang berorientasikan sistem perbankan Islam akan memulakan perniagaannya di negara ini. Maka tidak ada sebab untuk kita tidak berjaya dalam menjadikan negara ini sebagai pusat kewangan antarabangsa yang cemerlang.

Kita tidak perlu riuh-rendah dalam menyelesaikan masalah

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khilri Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena perayaan Hari Keputeraan baginda ke-54 tahun bertempat di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman pada hari Sabtu, 13 Rabiulakhir, 1421 bersamaan 15 Julai, 2000.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH, Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen. Sayyidina Muhammadin Wa'alaa Alihie Wasabihie Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan istiadat ini berlangsung dengan baik dan sempurna.

Terlebih dahulu beta sukacita mengalu-alukan para tetamu khas beta yang sama-sama hadir dan merayakan ulang tahun hari keputeraan beta pada tahun ini, dan begitu juga kepada dif-dif yang lain, serta semua pihak yang telah menghantar perutusan ucap selamat sempena sambutan perayaan ini.

Semoga Allah Subhanahu Wataala akan mengurniakan ganjaran yang setimpal di atas ingatan baik mereka itu.

Dalam keadaan dunia yang mengalami perubahan serta cabaran yang hebat di abad baru ini, alhamdulillah, kita di negara ini terus dapat menikmati keamanan, pembangunan dan kemajuan, hasil dari usaha dan kerjasama semua pihak, baik ia pihak kerajaan maupun sektor swasta, serta rakyat dan penduduk di negara ini.

Kita juga terus melangkah mengemaskan diri menghadapi persaingan global, iaitu dengan melihat dan mengkaji sistem pengurusan yang ada, termasuk peraturan-peraturan lama yang perlu diubah dan disesuaikan, perubahan minda dan sikap positif, usaha untuk mengelakkan pembaziran, serta mengurangkan defisit dan meningkatkan pendapatan negara.

BERJIMAT CERMAT

Kegawatan ekonomi yang menimpa rantau ini, walaupun sudah dapat diatasi, namun langkah berjimat cermat dan berhati-hati mestilah terus diamalkan. Kerana sikap cermat dan waspada itu mempunyai nilai dan keberkatannya yang tersendiri.

Projek-projek dan perbelanjaan yang sudah dan akan diperuntukkan mestilah benar-benar mengikut keperluan dan keutamaan untuk kepentingan rakyat dan negara.

Tatacara pengurusan projek dan perbelanjaan itu mestilah diselenggarakan dengan sebaik-baiknya, secara kos efektif dan 'value for money' mengikut landasan peraturan dan undang-undang yang telah ditentukan.

PUSAT KEWANGAN

Kerajaan baeta telah menubuhkan Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei.

Penubuhan pusat ini akan menjadikan negara kita sebagai pusat kewangan kepada sektor perkhidmatan, terutama sekali sektor kewangan, bank, sekuriti dan insurans.

Usaha ini juga diharapkan akan dapat membuka peluang-peluang pekerjaan, di samping membolehkan peralihan kepakaran dan teknologi di bidang kewangan kepada anak-anak tempatan.

Dalam pada itu keamanan dan kestabilan di rantau ini adalah merupakan salah satu faktor utama bagi membolehkan kita menikmati kesejahteraan dan pembangunan negara.

Dalam usaha meningkatkan kestabilan rantau, Negara Brunei Darussalam akan terus mengutamakan prinsip-prinsip kerjasama bersama-sama dengan negara-negara sahabat.

Konsep ini juga akan dipakai melalui kerjasama dengan

Kekalkan kesetiaan kepada raja, negara

APEC sebagaimana juga dengan ASEAN, di samping tidak terkecuali Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Komanwel dan pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa yang lain.

APEC DAN TMB 2001

Penglibatan negara selaku tuan rumah kepada Persidangan Ketua-ketua Ekonomi APEC dan menjadikannya tahun 2001 sebagai Tahun Melawat Brunei, akan kita manfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Kehadiran pengunjung-pengunjung luar negeri, yang termasuk juga pihak-pihak korporat antarabangsa dari Asia Pasifik, akan turut diambil kesempatan oleh para pengusaha tempatan di negara ini untuk mengadakan gabungan strategik dan scumpamanya.

Di samping itu peranan negara yang tersendiri di dalam bidang ekonomi serantau dan antarabangsa akan semakin menyierlah, apabila kita mempunyai kemampuan untuk menjadi pengeluar barangan dari makanan halal.

Pada tahun lalu, kita sudah pun mengadakan akta yang berkaitan dengannya, bagi menjamin bahawa perbekalan daging dan ayam adalah benar-benar halal menurut hukum syarak.

Beta berharap, langkah ini bukan saja terhad kepada dua jenis barangan yang disebutkan itu, malahan juga termasuk



makanan-makanan yang sudah diproses.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ajaran-ajaran Islam menjadi cara hidup, maka kita akan terus bergerak menjalankan ajaran-ajaran yang indah itu dalam kehidupan kita.

Sehubungan dengan ini, pada awal abad ke-21 ini, beta telah menitahkan, supaya Bank Pembangunan Brunei Berhad yang dimiliki 100 peratus oleh kerajaan beta dan telah ditubuhkan pada tahun 1995, ditukar namanya kepada Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad, atau The Islamic Development Bank of Brunei Berhad dan akan hanya memberikan segala perkhidmatannya menurut kitab suci Al-Quran sebagaimana maksud firman Allah dalam Surah Al-Baqarah, ayat 275:

"Bahawa orang-orang yang memakan riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan adalah seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan, terhayang-hayang kerana sentuhan syaitan itu. Mereka ini berkata: 'Sungguhnya jual beli itu sama saja dengan riba, padahal Allah telah (dengan tegasnya) menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba...'"

Beta juga telah menitahkan supaya peranan Lembaga Kema-juan Ekonomi yang pernah menghulurkan perkhidmatan pembiayaan kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana

hendaklah dimasukkan ke dalam konsep Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad ini. Beta penuh percaya kedua-dua fungsi perbankan komersil dan pembiayaan pembangunan yang ber-konsepkan Islam ini, insya-Allah akan dapat membantu bagi mengukuh dan mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Oleh kerana ianya adalah dijalankan semata-mata kerana Allah, maka beta tidak ada sebarang keraguan, bahawa usaha ini akan membawa ke-mamfaatan kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini.

PERUBAHAN

Dalam kepesatan arus perubahan sejagat, kita menyedari bahawa sistem nilai masyarakat serta aspirasi rakyat akan turut sama mengalami perubahan.

Kita adalah bersedia menerima perubahan-perubahan itu. Akan tetapi sistem nilai yang baik, tetapi menjadi pilihan kita, dan bahkan akan terus dipertahankan. Di antaranya yang paling terbitlah ialah, kekal dalam kesetiaan dan kecintaan terhadap agama, bangsa, raja dan negara.

Semua ini telah pun menjadi darah daging kita dan akan terus dipelihara.

Seperti orang lain, Negara Brunei juga kadang-kadang mempunyai masalahnya sendiri.

Lihat muka 3

Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM

21 ketua negara, pembesar asing utus tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menjawat beberapa perutusan tahniah yang telah disembahkan ke hadapan majlis baginda daripada ketua-ketua negara dan pembesar-pembesar asing sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda yang ke-54 tahun pada 15 Julai, 2000 iaitu di antaranya daripada:

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj ibni Al-Marhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Fahd bin Abdul Aziz Al-Saud, Raja Arab Saudi; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom of Great

Britain and Northern Ireland; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibni Al-Hussein, Raja Jordan; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Mohammad VI, Raja Negara Maghribi; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Akihito, Maharaja Jepun dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Juan Carlos I, Raja Sepanyol.

Tuan Yang Terutama Presiden K. H. Abdurrahman Wahid, Presiden Republik Indonesia; Tuan Yang Terutama Presiden S. R. Nathan, Presiden Republik Singapura; Tuan Yang Terutama Tuan Joseph Ejercito Estrada, Presiden Republik Filipina; Tuan Yang Terutama Tuan Tran Duc Luong, Presiden Republik Sosialis Vietnam; Tuan Yang Terutama Jeneral Kanan Than Shwe, Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Pertubuhan Myanmar; Tuan Yang Terutama Tuan Muhammad Rafi Tarar, Presiden Republik Islam Pakistan dan Tuan Yang Terutama Tuan K. R. Narayanan, Presiden Republik India.

Kekalkan kesetiaan kepada raja, negara

Dari muka 2

Seperti orang lain, Negara Brunei juga kadang-kadang mempunyai masalahnya sendiri.

Walaupun ini mungkin merisaukan, namun alhamdulillah kita juga dapat menyelesaikannya dengan baik.

Dalam penyelesaian terhadap apa juga masalah, kita tidaklah perlu terlalu riuh-rendah, tetapi apa yang penting, masalah itu dapat diuraikan dengan sebaik-baiknya tanpa membazirkan masa dan perbelanjaan yang terlalu banyak.

Inilah cara kita, cara Brunei sendiri, di mana semua pihak mestilah turut menghormatinya, seperti juga kita menghormati cara orang lain.

PERKHIDMATAN AWAM

Sedikit mengenai perkhidmatan awam. Kerajaan beta telah pun menetapkan suatu Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 yang bertujuan antara lain bagi mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan serta keupayaan di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan.

Wawasan ini dihasratkan akan dapat dihayati oleh sekalian anggota perkhidmatan awam bagi menjamin kejayaan masing-masing. Telah sampailah masanya untuk kita memantapkan sikap cekat dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita.

Kerajaan sesungguhnya tidak lupa melakukan apa saja untuk kebajikan rakyat.

Dalam bidang kesihatan, kerajaan beta telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Promosi

Kesihatan, yang bertanggungjawab merangka dan membentuk rancangan-rancangan peningkatan kesihatan, sambil mempromosikan amalan-amalan cara hidup yang sihat untuk rakyat dan penduduk.

Kita berharap dengan adanya program mempromosikan kesihatan ini, akan dapatlah mengurangkan beban kerajaan dalam membiayai kos rawatan yang tinggi serta juga jangka masa yang lama ketika dirawat.

Mudah-mudahan berkat niat baik kita semua dalam menjalankan usaha-usaha dan rancangan-rancangan kerajaan, maka negara akan dapat menyaksikan hasilnya yang lumayan berupa: kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan yang berpanjangan.

Demikianlah. Pada mengakhirinya, beta sukacita merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa tertinggi dan ahli-ahli jawatankuasa yang berkenaan serta segenap peserta dalam semua acara yang dikendalikan.

Semoga Allah Subhanahu Wataala jua akan memberkati sumbangan ikhlas pihak-pihak yang menjayakan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan beta pada kali ini.

Beta juga tidak lupa merakamkan penghargaan yang ikhlas kepada seluruh rakyat dan penduduk, termasuk semua peringkat dalam perkhidmatan awam kerajaan, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta atas usaha mereka yang ikhlas di bidang masing-masing.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wasalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Yang Terutama Tuan Jacques Chirac, Presiden Republik Perancis; Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia; Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong, Perdana Menteri Republik Singapura; Tuan Yang Terutama Tuan Phan Van Khai,

Perdana Menteri Republik Sosialis Vietnam; Yang Amat Berhormat Tuan Tony Blair, Perdana Menteri British; Tuan Yang Terutama Tuan Atal Bihari Vajpayee, Perdana Menteri Republik India dan Tuan Yang Terutama Jeneral Pervez Musharraf, Ketua Eksekutif Republik Islam Pakistan.

DIRGAHAYU
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK



TETAMU KHAS KEBAWAH DYMM.... Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Osu bin Haji Sukam dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Noreda Majlimpi (atas); Menteri Luar Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar dan Puan Jayakumar (bawah) semasa menghadiri Istiadat Perbarisan Kehormatan.



TETAMU LUAR.... Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin dan Puan Sri Datin Hajjah Noorainee binti Haji Abd. Rahman (atas), dan Panglima Angkatan Tentera Nasional Indonesia, Yang Berhormat Laksamana Dato Paduka Seri Widodo, AS dan Yang Berbahagia Datin Sri Murniati Widodo (bawah) ketika menghadiri Istiadat Barisan Kehormatan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam, anakanda-anakanda dan adinda-adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara sempena Hari Keputeraan baginda ke-54 tahun. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman (atas). Sementara gambar kanan, baginda berkenan menekan punat bagi menandakan bermulanya persembahan permainan bunga api yang disembahkan oleh para penaja bagi menyeronokkan lagi majlis persantapan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri bersama para tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari luar negara berangkat ke Dewan Persantapan (kiri). Manakala gambar kanan, puteri-puteri, adinda dan tetamu khas baginda dari Jerman ketika berangkat di majlis itu.



PARA tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari luar negara, dan para pembesar negara hadir sama dalam Majlis Persantapan Negara yang berlangsung di Istana Nurul Iman pada 15 Julai lepas.

MAJLIS PERSANTAPAN NEGARA

Liputan Bolhassan HAB dan Samle HJ.
Gambar-gambar oleh jurugambar Jabatan Penerangan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-54 Tahun pada 15 Julai, 2000.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat ke istiadat tersebut.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Noor Ehsani dan kerabat-kerabat diraja yang lain berangkat sama.

Berangkat dan hadir di majlis tersebut ialah tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari luar negara, Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet, timbalan-timbalan menteri, pengiran-pengiran peranakan, pehin-pehin manteri, manteri-manteri pedalaman, setiausaha-setiausaha tetap dan ketua-ketua jabatan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berangkat ke Majlis Persantapan Negara (atas).



PUTERA-PUTERA, puteri-puteri dan adinda-adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat sama di Majlis Persantapan Negara. Juga kelihatan ialah kerabat-kerabat diraja yang lain dan para tetamu khas dari luar negara (atas dan kiri).



MAJLIS Persantapan Negara khusus bagi merayakan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dihadiri sama oleh para tetamu khas dari luar negara dan orang-orang kenamaan Negara Brunei Darussalam.

Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM

Mantapkan sikap cekal - titah

Laporan Sahari Akim
Gambar-gambar dirakamkan oleh
jurugambar Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Penetapan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 antara lain bertujuan bagi mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan serta keupayaan di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan.

Ketika bertitah di Balai Singgahsana dalam Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan bahawa wawasan itu dihasratkan akan dapat dihayati oleh sekalian anggota perkhidmatan awam bagi menjamin kejayaan masing-masing.

Menurut baginda, "Telah sampai masanya untuk kita memantapkan sikap cekal dan ber-sungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita."

Menyentuh mengenai usaha kerajaan yang tidak pernah lupa melakukan apa saja untuk kebajikan rakyat, baginda menjelaskan bahawa kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Promosi Kesihatan yang bertanggungjawab merangka dan membentuk rancangan-rancangan peningkatan kesihatan, sambil mempromosikan amalan-amalan cara hidup yang sihat untuk rakyat dan penduduk.

Baginda berharap dengan adanya program mempromosikan kesihatan itu, akan dapat mengurangkan beban kerajaan dalam membiayai kos rawatan yang tinggi juga jangka masa rawatan yang lama.

"NIAT baik semua pihak dalam menjalankan usaha-usaha dan rancangan-rancangan kerajaan itu, negara akan dapat menyaksikan hasil yang lumayan berupa kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan yang berpanjangan."

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah menekankan, agar niat baik semua pihak dalam menjalankan usaha-usaha dan rancangan-rancangan kerajaan itu, negara akan dapat menyaksikan hasil yang lumayan berupa kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan yang berpanjangan.

Baginda juga melahirkan rasa kesyukuran kerana dalam keadaan dunia yang mengalami perubahan serta cabaran yang hebat di abad ini, Negara Brunei Darussalam terus dapat menikmati keamanan, pembangunan dan kemajuan.

Semua itu, titah baginda, adalah hasil usaha dan kerjasama semua pihak, baik dari pihak kerajaan mahupun sektor swasta serta rakyat dan penduduk di negara ini.

Di istiadat itu baginda juga tidak lupa merakamkan penghargaan yang ikhlas kepada seluruh rakyat dan penduduk termasuk semua peringkat dalam perkhidmatan awam kerajaan, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta atas usaha mereka yang ikhlas di bidang masing-masing.

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Penglibatan negara ini selaku tuan rumah kepada Persidangan Ketua-ketua Ekonomi APEC, dan menjadikan 2001 sebagai Tahun Melawat Brunei akan dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Kehadiran pengunjung-pengunjung luar negara termasuk pihak-pihak korporat antarabangsa dari Asia Pasifik akan turut diambil kesempatan oleh para pengusaha tempatan di negara ini untuk mengadakan gabungan strategik dan seumpamanya.

Hasrat tersebut dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-54 tahun.

Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah Mesyuarat APEC 2000 pada bulan November tahun ini di samping mengemukakan program Tahun Melawat Brunei 2001 (VBY 2001) pada tahun hadapan.

Baginda seterusnya bertitah, bahawa peranan negara yang tersendiri di dalam bidang ekonomi serantau dan antarabangsa akan semakin menyerlah apabila negara ini mempunyai kemampuan untuk menjadi pengeluar barangan daripada makanan halal.

Pada tahun lalu, negara ini telah pun mengadakan akta yang berkaitan dengan perkara itu bagi menjamin perbekalan daging dan ayam adalah benar-benar halal menurut hukum syarak.

"Betapa berharap, langkah

APEC 2000, TMB 2001

Pengusaha perlu memanfaatkan kesempatan

"PERANAN negara yang tersendiri di dalam bidang ekonomi serantau dan antarabangsa akan semakin menyerlah apabila negara ini mempunyai kemampuan untuk menjadi pengeluar barangan daripada makanan halal."

ini bukan saja terhad kepada dua jenis barangan yang disebutkan itu, malahan juga termasuk makanan-makanan yang sudah diproses," tegas baginda.

Baginda bertitah menekan-

kan, sebagai sebuah negara yang mengamalkan ajaran-ajaran Islam menjadi cara hidup, maka negara ini akan terus bergerak menjalankan ajaran-ajaran yang indah itu dalam kehidupan masyarakat.

DBB ditukar kepada Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan supaya Bank Pembangunan Brunei Berhad (DBB) ditukarkan namanya kepada Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad atau The Islamic Development Bank of Brunei Berhad.

Baginda menitahkan perkara itu di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda yang ke-54 berlangsung di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman.

Menurut titah baginda, bank yang dimiliki 100 peratus oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang

"OLEH kerana ianya adalah dijalankan semata-mata kerana Allah, maka beta tidaklah ada sebarang keraguan, bahawa usaha ini akan membawa kemanfaatan kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini," tegas baginda.

Maha Mulia dan ditubuhkan pada tahun 1995 itu hanya akan memberikan perkhidmatannya menurut kitab suci Al-Quran, sebagaimana maksud firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 275 yang tafsirnya:

"Bahawa orang-orang yang memakan riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan adalah seperti berdiri orang yang dirasuk syaitan, terhayang-hayang kerana sentuhan syaitan itu. Maka mereka ini berkata: 'Sesungguhnya jual beli itu sama saja dengan riba, padahal Allah telah (dengan tegasnya) menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.'"

Baginda juga menitahkan supaya peranan Lembaga Kemajuan Ekonomi yang pernah mengemukakan perkhidmatan pembiayaan kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana hendaklah dimaksudkan ke dalam konsep Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad.

"Beta penuh percaya kedua-dua fungsi perbankan komersil dan pembiayaan pembangunan yang berkonsepkan Islam ini, insya-Allah akan dapat membantu bagi mengukuhkan dan mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara."

"Oleh kerana ianya adalah dijalankan semata-mata kerana Allah, maka beta tidaklah ada sebarang keraguan, bahawa usaha ini akan membawa kemanfaatan kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini," tegas baginda.

DIRGAHAYU
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK



BINTANG KEBESARAN Kebawah DYMM ketika berkenan mengurniakan S.S.U.B. kepada Awang Haji Abdul Rahim (kiri) dan S.N.B. kepada Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail (kanan).



TETAMU NEGARA Menteri Luar Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Tuan Dr. Alwi Shihab dan Yang Berbahagia Sri Murniati Widodo semasa menghadiri perayaan keputeraan.

Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM

Wawasan Kebawah DYMM di abad baru

Rakyat perlu menyokong sepenuhnya

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai - Kalangan rakyat dan penduduk menyambut baik wawasan yang dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran yang melaksanakan bidang-bidang perkonomanian berkonsepkan Islam.

Selain daripada bidang-bidang berkonsepkan Islam seperti menjadikan negara sebagai pengeluar barangan makanan halal dan fungsi perbankan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad, rakyat dan penduduk juga menjunjung titah baginda mengenai penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei, Kerjasama APEC 2000, Tahun Melawat Brunei 2001, Sistem Nilai Masyarakat, Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 dan di bidang kesihatan pula berhubung penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Promosi Kesihatan.

Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Awang Haji Ahmad Bukhari ketika ditemui menjelaskan perubahan Bank Pembangunan kepada Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad itu menunjukkan keberanian baginda ke arah menuju agenda keislaman.

PERLU DISOKONG

"Pegangan Islam sebagai cara hidup dan wawasan ini merupakan langkah bijaksana, dan inilah pegangan umat Islam sebenar. Jadi wawasan baginda itu mesti disokong sepenuhnya agar wawasan Islam itu benar-benar berkembang," terangnya.

Mengenai pengeluaran makanan halal di peringkat serantau dan antarabangsa pula, beliau menjelaskan hasrat tersebut akan dapat dicapai memandangkan negara ini merupakan satu-satunya negara yang Islamnya kukuh.

Perkara tersebut katanya, akan menjadi kelebihan dari segi pemasaran ke negara-negara tertentu selain menjadikan negara ini sebagai rujukan

setelah kita diyakini mempunyai barangan halal, bermutu dan bersih.

Pandangan tersebut turut disuarakan bersama oleh Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Kassim bin Haji Lamat yang menyatakan bahawa titah baginda di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran itu merupakan usaha yang positif ke arah menuju negara yang Islamik.

"Saya rasa kitani ini kalau mahu berkat, kitani mesti menjunjung titah baginda itu dengan cara memastikan setiap perkara yang halal kitani makan secara halal, insya-Allah negara kitani akan diberkati oleh Allah," jelas Dato Seri Setia.

Dalam aspek pemasaran barangan halal, Dato Seri Setia berkata perkara itu tidak ada masalah memandangkan para pengguna di negara ini terdiri daripada orang Islam dan negara-negara di rantau ini juga terdapat masyarakat Islam dan pengaliran produk makanan halal dapat dipasarkan.

Dalam menyambut baik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, Yang Dipertua Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei, Awang Haji Razali bin Haji Johari berkata penubuhan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad itu akan dapat menggalakkan *strategic alliance* dalam melaksanakan bisnes.

Peluang sedemikian itu tambahnya, akan dapat mempertingkatkan dan mengembangkan perusahaan perniagaan para peniaga tempatan.

Beliau juga menyokong sepenuhnya berhubung dengan mempelbagaikan produk halal tempatan ke peringkat serantau dan antarabangsa di mana menurutnya sudah terdapat syarikat-syarikat tempatan yang mengadakan usaha sama dalam pemprosesan makanan halal itu.

"Jadi apa yang ada masa ini kerajaan mestilah mengadakan *self marketing* dengan tidak membiarkan sektor swasta saja berungkayah. Kerajaan juga sama-sama *mempromote national product* ke

SEMPENA sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun, baginda telah bertitah yang menyentuh pelbagai perkara. Schubungan itu, wartawan PELITA BRUNEI, Awang Haji Ahat Haji Ismail dan Samle Haji Jait telah membuat pendekatan berhubung dengan wawasan baginda dalam titah tersebut. Gambar-gambar dirakamkan oleh jurugambar Jabatan Penerangan.

"JADI kerjasama bersepadu dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan adalah perlu untuk menjayakan wawasan tersebut ini kerana tanpa sokongan dan kerjasama semua pihak ianya tidak akan berjaya,"
Dr. Awang Haji Serudin

luar negeri," terangnya.

Di bidang kesihatan, kemajuan pembangunan infrastruktur kesihatan di rumah sakit, klinik, perumahan, kemudahan air bersih termasuk perhubungan jalan raya adalah antara pendekatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menyumbang kepada tahap kesihatan rakyat.

Menurut Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Datin Paduka Dr. Dayang Hajjah Intan, pendekatan pembangunan dan program-program perkhidmatan awam yang telah dirancang serta dilaksanakan sejak dulu lagi telah banyak membawa kemajuan dalam perubahan moden.

Trend penyakit-penyakit yang didapati, kata Datin Paduka, sudah berubah dan sekarang penyakit utama berhubung kait dengan perubahan dalam cara hidup seperti penyakit jantung, darah tinggi dan kencing manis.

Dalam mengatasinya tambah Datin Paduka, Kementerian Kesihatan lebih menekankan kepada pencegahan pada setiap diri individu untuk bertanggungjawab terhadap kesihatan mereka dari segi riadah, menjaga makanan dan menjaga persekitaran yang bersih.

"Dari itulah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia amat bertepatan sekali di mana Kementerian Kesihatan pada bulan Mac lalu telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kebangsaan Pro-

"PENUBUHAN Bank Pembangunan Islam Brunei itu akan dapat menggalakkan *strategic alliance* dalam melaksanakan bisnes."- Awang Haji Razali

DIRGAHAYU
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK



"WAWASAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu mesti disokong sepenuhnya, agar wawasan Islam itu benar-benar berkembang." Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Awang Haji Ahmad Bukhari PSRK Haji Abu Hanifah.

mosi Kesihatan yang mana keahliannya adalah terdiri dari pelbagai kementerian-kementerian dan pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan. Jawatankuasa inilah yang akan merancang program-program dan strategi yang akan dilaksanakan bagi mencapai cara hidup sihat bagi rakyat dan penduduk di negara ini," kata Datin Paduka.

Dalam bidang perkhidmatan awam pula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menyentuh mengenai penetapan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 yang antaranya bertujuan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan serta keupayaan pegawai dan kakitangan.

Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Dr. Awang Haji Serudin bin Datu Setiawan Haji Tinggal menjelaskan, wawasan tersebut adalah untuk bergerak maju dan membangun mengikut panduan Islam dengan memberi perangsang bekerja lebih kuat untuk mencapai kemajuan.

Perkara ini menurutnya sudah disebarluaskan kepada kementerian-kementerian melalui taklimat dan sesudah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, pihak kementerian, jabatan akan mengambil kira dan menjayakan wawasan tersebut.

"Jadi kerjasama bersepadu dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan adalah perlu untuk menjayakan wawasan tersebut ini kerana tanpa sokongan dan kerjasama semua pihak ianya tidak akan berjaya," terangnya.

"KITANI mesti menjunjung titah baginda itu dengan cara memastikan setiap perkara yang halal kitani makan secara halal, insya-Allah negara kitani akan diberkati oleh Allah." - Dato Seri Setia Awang Haji Kassim.



"TITAH baginda itu amat bertepatan sekali di mana Kementerian Kesihatan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kebangsaan Promosi Kesihatan yang merancang program-program dan strategi bagi mencapai cara hidup yang sihat." Datin Paduka Dr. Dayang Hajjah Intan binti Haji Mohd. Salleh.



"KERJASAMA bersepadu kementerian dan jabatan adalah perlu untuk menjayakan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21. Tanpa sokongan dan kerjasama semua pihak ianya tidak akan berjaya." Dr Awang Haji Serudin bin Datu Setiawan Haji Tinggal.

"PEGANGAN Islam sebagai cara hidup dan wawasan ini merupakan langkah bijaksana, dan inilah pegangan umat Islam sebenar. Jadi wawasan baginda itu mesti disokong sepenuhnya agar wawasan Islam itu benar-benar berkembang."- Dato Paduka Awang Haji Ahmad Bukhari.



"SAYA rasa, kitani kalau mahu berkat mestilah memastikan setiap perkara dalam kehidupan ini berkeadaan halal termasuk makan minum dan dengan demikian insya Allah kitani akan diberkati oleh Allah." Dato Seri Setia Awang Haji Kassim bin Haji Lamat.



PERAYAAN KEPUTERAA GEMILANG

BERANGKAT — Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saieha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Marlim ketika berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran (kiri).



TITAH AMAL melazarkan Mengadap Bintang-bintang Istana Nurul



BINTANG KEBESARAN ... Baginda ketika berkenan mengurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T) kepada Yang Terhormat Laksamana Tentera Nasional Indonesia, Widodo AS (atas kiri) dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Padukaraja Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Awang Shari (atas kanan).



BAGINDA ketika berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B) kepada Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Yusof (kiri sekali); Pengarah Radio dan Televisyen Brunei, Pengiran Haji Ismail (kiri); Pegawai Tugas-Tugas Khas di JPM, Awang Haji Mohd. Murad (bawah kiri sekali) dan Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dr. Hajjah Intan (bawah kiri).

YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam ketika berangkat ke istiadat tersebut (bawah).



DULI Yang Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Duli Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain dan Duli Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam ketika berangkat ke istiadat tersebut (bawah).

Doa kesyukuran di seluruh negara

Liputan oleh Samle HJ.

Gambar-gambar oleh Hj. Masmaleh HMA

K IARONG, 14 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai rakyat serta penduduk baginda menunaikan sembahyang fardu Maghrib dan Isyak berjemaah, serta majlis bertahlil dan doa kesyukuran sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke-54 tahun.

Keberangkatan baginda di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah telah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain dan ahli-ahli jawatankuasa tertinggi perayaan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sembahyang fardu Maghrib telah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya, sementara bacaan tahlil dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan doa kesyukuran dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan menunaikan sembahyang fardu Isyak berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid.

Sebelum meninggalkan majlis, baginda berkenaan junjung ziarah dari para jemaah yang tidak melepaskan peluang keemasan itu.

Sembahyang Maghrib dan Isyak berjemaah, majlis bertahlil dan membaca doa kesyukuran juga diadakan di semua masjid dan surau di seluruh negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat ke Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

BERAKAS, 5 Julai. - Penolong Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Pengiran Dr. Hajjah Rahmah berkata setiap individu yang dijadikan oleh Allah mempunyai potensi untuk belajar dan berjaya dalam pembelajarannya.

Menurutnya, ada empat faktor penting yang diperlukan untuk merealisasikan atau menjadikan kenyataan potensi tersebut dan faktor pertama ialah mengetahui atau mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri sendiri, terutama sekali yang bersangkutan dengan sifat dan sikap yang ada.

Kedua ialah menyedari keperluan untuk belajar dan mempraktikkan belajar sepanjang hayat; ketiga, memiliki pengetahuan dan kemahiran-kemahiran tertentu yang memudahkan mengurus diri, masa dan belajar, sementara yang keempat ialah boleh menyesuaikan diri dengan perubahan.

Demikian beberapa faktor penting yang dikongsi sama oleh Pengiran Dr. Hajjah Rahmah di Majlis Suai Kenal dan Pendaftaran Pelajar-pelajar Baru Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal Pengambilan Ke-32, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kanan).

Menurut Pengetua maktab tersebut, Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Mahmud semasa berucap terdahulu berkata, seramai 1,403 orang penuntut telah memohon untuk mengikuti kursus pengambilan ke-32 bagi sesi Julai 2000 dan dari jumlah tersebut hanya 462 orang pelajar diterima untuk memulakan kursus dalam pelbagai kursus yang ditawarkan.

Pihak maktab katanya, hanya mampu untuk menerima sejumlah 365 orang pemohon sahaja, manakala 97 orang pelajar akan meneruskan pengajian mereka ke peringkat Diploma Kebangsaan.

Pengetua maktab ini juga mendedahkan bahawa satu kursus baru di peringkat diploma yang dipanggil Diploma Kebangsaan di dalam Pengurusan Informasi dan Perpustakaan. Kursus ini jelasnya adalah bagi memenuhi kebutuhan majikan di dalam memberikan latihan kemahiran perpustakaan yang diperlukan.

Di samping itu, skim usahasama perantisan dalam bidang penyajian dan masakan profesional katanya, yang telah dikendalikan bersama oleh pihak maktab dengan Royal Brunei Catering Sdn. Bhd. sejak tahun 1997, telah diiktiraf dan akan diambil alih pensijilannya oleh Majlis Pendidikan Teknik dan Vokasional Brunei Darussalam sebagai sebuah latihan perantisan kebangsaan mulai pengambilan pertama Julai 2000 ini.

Beliau menambah terdapat beberapa buah pihak seperti Hotel Sheraton, Hotel Orchid Garden dan Jerudong Polo Club juga akan ikut serta dalam mengendalikan latihan perantisan tersebut.



PELAJAR-PELAJAR baru Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal bagi pengambilan ke-32 ketika membaca Ikrar Pelajar.

Oleh Siti Muslihat HS.
Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar
PHO

PENOLONG Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Pengiran Dr. Hajjah Rahmah (enam dari kanan) ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Suai Kenal dan Pendaftaran Pelajar-pelajar Baru Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal Bagi Pengambilan Ke-32. Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kanan). - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Empat faktor penting untuk belajar dan berjaya



MTSSR MASIH JADI TUMPUAN

BERAKAS, 5 Julai. - Sebagai sebuah institusi teknikal yang unggul dan dinamik, komited untuk memaksimumkan potensi orang Brunei di dalam memenuhi hasrat Negara Brunei Darussalam melalui latihan dan pendidikan teknologi yang bermutu tinggi dan relevan, Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) meneruskan lagi misinya dalam memberikan pendidikan teknik dan vokasional kepada lepasan penuntut yang berkelayakan di negara ini.

Bagi sesi Julai 2000 ini, sejumlah 462 orang pelajar diterima untuk memulakan pengajian dalam berbagai bidang kursus yang ditawarkan.

Dalam Majlis Suai Kenal dan Pendaftaran Pelajar-pelajar Baru MTSSR Pengambilan Ke-32, wartawan PELITA BRUNEI sempat membuat pendekatan dengan empat orang pelajar baru dalam sesi kali ini.

Seorang pelajar baru yang berasal dari Kampung Tanjong Nangka, Siti Norgayah binti Haji Lisa yang memilih kursus Pra-Diploma Kebangsaan dalam pengajian 'Secretarial' berpendapat kursus ini mempunyai masa depan yang cerah.

Beliau yang berusia 19 tahun sebelum ini merupakan salah seorang penuntut di Sekolah Menengah Sayyidina Hussin, Jerudong dalam

tingkatan 5 sains dan pernah berkhidmat di salah sebuah kedai penyediaan makanan di Bandar Seri Begawan buat beberapa bulan sebelum memasuki maktab ini.

Siti Norgayah, anak kedua dalam enam orang adik-beradik ini menjelaskan bidang ini memang diminatinya kerana di dalamnya terdapat berbagai pengetahuan yang perlu dipelajari seperti menaip dan trengkas yang juga memang diminatinya.

"Apabila lulus dalam kursus ini saya akan meneruskan pengajian ke peringkat tertinggi," jelasnya ringkas.

Seorang penuntut yang berasal dari Daerah Belait pula, ketika ditemui menjelaskan jarak perjalanannya tidak menjelaskan minatnya untuk terus memasuki Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal.

Awang Nor Johaili bin Abd. Wahid, 18 tahun dari Kampung Sungai Pandan, Kuala Belait terus mengejar cita-cita dengan memasuki pengajian dalam Pra-Diploma Kebangsaan di bidang Jurutera Pesawat atau 'Aircraft Engineering'.

Sebagai seorang anak tertua dalam empat orang adik-beradik, beliau berusaha menunaikan tanggungjawab untuk membantu masa depan keluarganya.

Anak kepada seorang pegawai penyelamat bomba di Daerah Belait ini berhasrat untuk mendapat kejayaan dalam jurusan yang dipilihnya.

"Bagi saya bidang Kejuruteraan Pesawat ini mempunyai masa depan yang cerah dan sejauh ini tidak terdapat masalah bagi mereka yang mempunyai kelulusan yang baik dalam bidang ini untuk mendapatkan pekerjaan," jelasnya.

"Jika lulus saya juga akan meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan setelah itu jika ada peluang saya akan memasuki kerjaya sama ada di Syarikat Minyak Brunei Shell atau Angkatan Bersenjata Diraja Brunei khususnya di Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB)," ujarnya dengan penuh harapan.

Sepanjang pengajian di maktab ini, beliau terpaksa berulangkali dan ada juga ketika itu terpaksa tinggal bersama ibu saudari yang tinggal di kawasan Perpindahan Lambak

Kanan.

Seorang lagi penuntut lelaki, yang berusia 19 tahun, berasal dari Kampung Sengkarai, Daerah Tutong juga tidak ketinggalan untuk terus menimba ilmu pengetahuan. Awang Wesly bin Abas yang juga merupakan anak tertua dalam 8 orang adik-beradik tidak patah semangat untuk memperdalam ilmu di MTSSR.

Di maktab ini beliau memilih kursus Pra-Diploma Kebangsaan dalam jurusan Kejuruteraan.

Sebelum ini beliau pernah menuntut di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong sehingga tahun 1997 dan meneruskan ke Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong dalam tingkatan 5 sains 2 (R) buat tahun kedua.

Beliau juga berhasrat untuk meneruskan pelajaran ke peringkat tertinggi jika ada peluang dan sesudah itu berusaha mendapatkan pekerjaan.

"Bagi saya tidak perlu memilih pekerjaan memandangkan ketika ini pekerjaan bukanlah suatu perkara yang mudah untuk diperolehi.

"Dan kalau boleh pihak-pihak tertentu terutamanya pihak swasta akan lebih mengutamakan pekerja tempatan daripada pekerja asing," tegasnya.

Sepanjang tempoh kursus beliau juga terpaksa berulangkali antara Kampung Sengkarai, Tutong dan Bandar Seri Begawan.

Akhir sekali wakil PELITA BRUNEI juga sempat menemui seorang lagi pelajar perempuan yang mengikuti kursus Pra-Diploma Kebangsaan dalam jurusan Radio Televisyen dan Teknologi Elektronik (RTE).

Beliau yang dimaksudkan ialah Dayang Audrey Chua berasal dari Pekan Muara dan kini menetap di Kampung Salar, Jalan Muara.

Anak bongsu dalam dua orang adik-beradik ini ingin menjejak langkah ayahnya yang merupakan seorang teknisyen di salah sebuah sektor swasta.

"Bidang teknisyen ini adalah satu bidang yang mencabar dan saya rasa saya bukan hanya boleh dilakukan oleh lelaki tetapi perempuan juga boleh menerokai bidang ini.

Melihat akan tugas ayah saya sebagai seorang teknisyen, timbul minat untuk memasuki

bidang ini dan saya rasa saya juga boleh melakukan tugas mencabar ini," jelasnya.

Dalam usia 21 tahun, beliau pernah menjalani kursus-kursus Sijil Kejuruan Peringkat 3 dan 2 dalam jurusan Elektronik di Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam sejak tahun 1996 hingga 2000.

Dari situ beliau meneruskan pengajian ke MTSSR dan selepas ini berhasrat untuk mengambil kursus Diploma Kebangsaan.

Menurutnya, jika lulus di dia telah membuat dua perancangan tersendiri iaitu pertama beliau berkemungkinan akan mengambil bidang pengajian komputer dan kedua, terus mencari pekerjaan dan ini katanya tertakluk kepada keputusan pengajiannya nanti.

Bagaimanapun katanya jika ada peluang beliau ingin memasuki Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) kerana sebelum ini beliau pernah menjalani penempatan di syarikat ini iaitu di Hangar Berakas.

Begitulah sedikit pendekatan yang sempat dibuat di majlis singkat ini. Apa pun cadangan atau harapan, setiap pelajar punya gaya dan daya tersendiri untuk terus meraih cita-cita. Yang paling penting kemahuan untuk terus maju dan berjaya akan menjadi tonggak utama di sepanjang pengajian.

Dalam hubungan ini wakil PELITA BRUNEI tidak lupa mengucapkan selamat maju jaya.



AWANG WESLY BIN ABAS - "Kalau boleh pihak-pihak tertentu terutamanya pihak swasta akan lebih mengutamakan pekerja tempatan daripada pekerja asing."



SITI NORGAYAH HJ. LISA - "Apabila lulus dalam kursus 'Secretarial' saya akan meneruskan pengajian ke peringkat tertinggi."



AWANG NOR JOHAILI BIN ABD. WAHID - "Bagi saya bidang kejuruteraan pesawat mempunyai masa depan yang cerah."



AUDREY CHUA - "Bidang teknisyen adalah satu bidang yang mencabar dan saya rasa saya bukan hanya boleh dilakukan oleh lelaki tapi perempuan juga boleh menerokai bidang ini."

KEBAWAHA DYMM CONTOH IKUTAN YANG BAIK

MARILAH kita berusaha mengukuhkan keimanan kepada Allah Subhanahu Wataala dan memperbanyakkan amalan ketakwaan kepada-Nya dengan melaksanakan semua perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, demi memperoleh keredaan-Nya semamata. Dengan demikian semoga kita dapat menikmati kehidupan yang aman dan bahagia di dunia dan di akhirat.

Dalam Al-Quran Al-Karim, Surah An-Nisaa' ayat 59 Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya:

"Hai orang-orang yang beriman, taatilah kamu kepada Allah dan taatilah kamu kepada Rasul Allah dan ulil amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisih) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada kitab Allah (Al-Quran) dan (sunnah) Rasul-Nya, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat yang demikian itu adalah lebih baik bagi kamu dan lebih elok kesudahannya."

Dalam ayat ini Allah Subhanahu Wataala memerintahkan orang-orang yang beriman supaya mentaati Allah Subhanahu Wataala, Rasul-Nya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan ulil amri. Ini disebabkan kemaslahatan, kebaikan dan kebajikan orang ramai yang membawa kesejahteraan ini tidak mungkin diwujudkan selagi belum patuh atau taat kepada Allah Taala, Rasul-Nya dan ulil amri.

Maksud mentaati Allah Subhanahu Wataala ialah mengamalkan isi kandungan Al-Quran Al-Karim, mentaati Rasul-Nya ialah mencontohi dan meneladani perjalanan hidup Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sama ada tutur kata, perbuatan atau ketetapan baginda yang dinamakan hadis atau sunnah Baginda Rasulallah Sallallahu Alaihi Wasallam. Sementara maksud mentaati ulil amri ialah patuh kepada orang yang berkuasa dan mengetahui urusan kaum Muslimin.

ULILAMRI

Ulilamri itu mempunyai makna yang luas meliputi raja, menteri, pegawai-pegawai kerajaan, ulama, ketua tentera dan ketua-ketua yang lain, mereka juga dinamakan 'ahlul halli wal aqdi' artinya orang yang berkebolehan di dalam menyelesaikan urusan dan menyelenggarakan hal ehwal umat Islam,

tempat pergantungan orang ramai, yang boleh mendatangkan kemaslahatan dan kesejahteraan, kerana itu perintah mereka wajib ditaati selagi ia tidak bertentangan dengan perintah Allah dan Rasul-Nya.

Kalau ada sesuatu yang diperselisihkan dan tidak tercapai kata sepakat atasnya, maka wajib dirujuk kepada Al-Quran dan sunnah Rasulallah Sallallahu Alaihi Wasallam, yang melakukan kias tersebut, sudah tentunya orang-orang yang berilmu pengetahuan, mengetahui dan memahami isi Al-Quran dan sunnah Rasulallah.

Alhamdulillah, ketua negara kita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan di bawah pimpinan baginda, telah, sedang dan sentiasa terus-menerus melaksanakan serta menunaikan kewajipan dan tanggungjawab baginda dengan penuh adil, saksama dan bijaksana.

Kewajipan dan tanggungjawab baginda sebagai raja sentiasa diambil perhatian berat seperti:

1) Melindungi agama iaitu memelihara dasar-dasar agama Islam, jika pembawa, penyebar kepercayaan atau ajaran bidaah atau salah itu timbul, maka pegawai-pegawai baginda menginsafkan mereka supaya kembali ke jalan yang benar, dengan demikian agama tetap terpelihara dari sebarang khurafat dan umat Islam terpelihara daripada kesesatan.

2) Melaksanakan kuasa pemerintahan dan menegakkan hukum untuk menyelesaikan segala perselisihan di kalangan rakyat dan penduduk dengan demikian, wujudlah keadilan, kezaliman tidak berleluasa bahkan terhenti, dan mereka yang teraniaya mendapat pembelaan.

3) Menjaga keamanan dengan melindungi segala hak-hak yang mesti dihormati sehingga rakyat atau penduduk dapat hidup bebas berusaha mencari penghidupan dalam suasana aman damai.

4) Melaksanakan kuatkuasa undang-undang dengan menegakkan hukum-hukum yang sah untuk melindungi hak-hak Allah daripada dicerooboh dan memelihara hak-hak rakyat daripada dirosakkan.

5) Menjaga sempadan negara dengan persiapan kelengkapan pertahanan yang kuat dan alat-alat penangkis canggih sehingga musuh tidak berani mencerooboh kedaulatan negara. Dengan demikian rakyat dan penduduk merasa aman dan tenteram.

PROJEK KERAJAAN

Semua projek-projek kerajaan sama ada dalam bidang



Suara dari mimbar

pendidikan, perusahaan, pertanian, ekonomi, kemudahan-kemudahan awam dan sosial kemasyarakatan yang dilaksanakan adalah diselenggarakan mengikut ajaran Islam. Perkara-perkara ini diambil perhatian berat semata-mata untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk serta kemakmuran negara demi mencapai keredaan Allah Subhanahu Wataala.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia merupakan contoh ikutan yang baik dalam menunaikan perintah-perintah Allah Taala dan meninggalkan segala larangan-Nya, baginda selalu bertitah terutama kepada yang beragama Islam supaya mengukuhkan keimanan kepada Allah Taala dan memperbanyakkan amalan takwa kepada-Nya sebagai bekalan untuk kehidupan akhirat. Baginda antara lain bertitah: "Bahawa kita

da ketua atau raja itu adalah menjadi pasak ketabilan pemerintahan raja kita. Seorang sahabat bernama Abdullah bin Umar Radiallahuanhuma meriwayatkan hadis Rasulallah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Dengar dan taat (kepada ketua) adalah menjadi kewajipan ke atas orang Islam (dalam apa jua perkara) sama ada ia suka atau tidak selagi ia tidak diperintahkan untuk melakukan maksiat, maka jika ia diperintahkan untuk membuat sesuatu maksiat maka tiadalah dengar dan tiadalah taat." - (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari dan Al-Imam Muslim).

Dengan berpandukan raja kita selaku ketua negara menunaikan tanggungjawab baginda terhadap rakyat dengan adil dan sempurna dan rakyat pula sebagai pasak kepada raja, rakyat pula menumpukan taat setia kepada raja, maka insya-Allah negara kita akan terus-menerus menikmati kehidupan yang aman, makmur dan bahagia dengan memperoleh keredaan Allah Subhanahu Wataala.

Selaku rakyat yang beragama Islam marilah kita hadir beramai-ramai pada petang hari Jumaat malam Sabtu ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara, dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah menjadi tumpuan utama untuk berjemaah sembahyang Maghrib dan Isyak serta membaca tahlil sempena Majlis Kesyukuran Ulang Tahun Hari Keputeraan raja kita yang ke-54 tahun, raja yang disayangi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kita mohon kepada Allah Subhanahu Wataala supaya raja kita sentiasa dilindungi dan dirahmati serta dapat memimpin rakyat dengan adil dan lurus menurut petunjuk Allah Subhanahu Wataala seterusnya rakyat dan negara akan terus menikmati kesejahteraan, kerukunan dan keberkatan sepanjang masa dan hayat, amin.

Ajaran sesat

(Kelolaan Pusat Da'wah Islamiah)

Siri 16

BENARKAH WIRID SELEPAS SEMBAHYANG ITU TELAH DIGANTIKAN DENGAN ZIKIR ALLAH-ALLAH SAHAJA?

DAKWAAN ini boleh ditolak dengan beberapa kenyataan iaitu:

- 1) Wirid yang ma'athur tidak boleh ditukar dengan zikir Allah-Allah.
- 2) Bacaan wirid selepas sembahyang lima waktu sebenarnya sudah menjadi amalan Rasulallah dan para sahabatnya sebagaimana tersebut di dalam hadis-hadis yang sahih. Dengan demikian wirid yang ma'athur tidak boleh diganti dengan bacaan yang selainnya seperti zikir Allah-Allah itu. Maka perbuatan menukar wirid dengan zikir itu adalah menyalahi sunnah Rasulallah.
- 3) Di dalam Islam tidak ada sebarang pembatalan ke atas apa yang terkandung di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah. Akidah dan syariah Islam telah pun sempurna sepertimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Maa'idah ayat 3 yang tafsirnya: "Hari ini telah Aku sempurnakan agama kamu dan Aku telah sempurnakan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku telah meredakan (mengakui) Islam itu sebagai agama."
- 4) Mimpi di dalam Islam tidak boleh dijadikan hujah apa lagi jika bertentangan dengan syarak.

وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحي باكنى دايرو بروني دان موارا مولاي داروي هاري رابو، ربيع الاخير 1421 برسمات 19 جولي 2000 هيفك كهاري للاث، 23 ربيع الاخير 1421 برسمات 25 جولي 2000 اذاله سفوت دباوه اين :-									
هجره	ظھر	عصر	مغرب	عشا	امساك	صبح	شوروق	ضحي	مسمحي
ربيع الاخير									جولي
17	12 28	3 52	6 40	7 53	4 43	4 53	6 15	6 40	19
18	12 28	3 52	6 40	7 52	4 43	4 53	6 15	6 40	20
19	12 28	3 52	6 40	7 52	4 43	4 53	6 15	6 40	21
20	12 28	3 51	6 40	7 52	4 43	4 53	6 15	6 40	22
21	12 28	3 51	6 40	7 52	4 44	4 54	6 15	6 40	23
22	12 28	3 51	6 40	7 52	4 44	4 54	6 15	6 40	24
23	12 28	3 51	6 40	7 52	4 44	4 54	6 15	6 40	25

وقت ۲ سمبھيغ باكنى دايرو تونغ لقمه ساتو مينيت دان دايرو بلايت لقمه تيگ مينيت، سمبھيغ فرض جمعة لسلوروه تگار بروني دان الاسلام دمولاي دري فوكل 12 45 ظهاري.

Beberapa persoalan mengenai hadiah

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihie Wasahbihi Waman Wallah.

BANYAK hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang menyebutkan tentang perbuatan rasuah itu sangat dilarang dan dilaknat serta mereka yang terlibat akan dimasukkan ke dalam api neraka. Hal ini digambarkan oleh Baginda dalam sabdanya yang bermaksud: "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah dalam mahkamah." (Hadis riwayat Al-Turmizi).

Sabda Baginda lagi yang bermaksud: "Pemberi rasuah dan penerima rasuah akan dimasukkan ke dalam api neraka". (Hadis riwayat Al-Rabarani).

Baginda juga mengingatkan dan melarang para petugas mengambil atau menerima rasuah sebagaimana sabdanya yang bermaksud: "Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah melantik seorang lelaki daripada suku Azd bernama Ibnu Luthbiyah, Ibnu Sarah bercerita: "(Dia) ialah Ibnu Utbiyah", (bertugas sebagai) pemungut zakat. Lalu Ibnu Utbiyah (ketika menghadap Nabi) berkata: "Ini untuk kamu dan yang ini dihadiahkan untuk saya." Maka Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bangun berdiri di atas mimbar, Baginda memuji-muji Allah dan menyanjung-Nya lalu bersabda: "Bagaimanakah seorang petugas yang diutus, kemudian dia datang sambil berkata: "Ini untuk kamu dan yang ini dihadiahkan untuk aku, tidakkah dia duduk di rumah ibunya atau ayahnya saja, lalu dia menunggu-nunggu; apakah dia diberi hadiah atau tidak? Tidakkah seseorang daripada kamu yang membawa sesuatu daripada harta yang dida-

patinya itu (rasuah) melainkan di hari kiamat harta itu datang, jika (harta itu) seekor unta, unta itu akan melengkuh, atau seekor lembu, lembu itu akan menguak, atau seekor kambing, kambing itu akan menggembik. Kemudian Baginda mengangkat kedua tangannya sehingga kami nampak ketiakannya lalu bersabda: "Wahai Tuhan, bukankah saya telah menyampaikan." (Hadis riwayat Abu Daud).

PEMBERIAN DARIPADA HARTA YANG BERCAMPUR-CAMPUR

Dalam hal ini mungkin timbul persoalan tentang hukum menerima pemberian seseorang yang mempunyai harta yang bercampur, dalam erti kata tidak jelas halalnya. Memang persoalan hukum menerima harta yang bercampur dengan yang haram itu telah lama dihuraikan oleh para ulama. Dari sudut hukum, keadaan pemberian seperti ini boleh memberi kesan positif dan negatif kepada orang yang

menerima pemberian. Pemberian orang yang dianggap hartanya sebagai halal, ia harus diterima. Manakala pemberian harta yang bercampur dengan yang haram, ulama berpendapat bahawa ia harus diterima dengan syarat apa yang diberikannya itu tidak jelas kepada si penerima tentang haramnya atau asalanya, walaupun pada hakikatnya ia adalah haram. Adapun pemberian oleh seorang yang mana semua hartanya adalah yang haram seperti usahanya hanya berjudi atau merompak atau menjual yang haram sahaja, tidak sekali-kali harus diterima.

Berdasarkan kepada pendapat para sahabat, para tabi'in dan imam-imam besar bahawa adalah harus mengambil atau menerima pemberian daripada para pembesar atau penguasa sama ada hartanya itu yang halal atau haram yang tidak pula jelas haramnya. Imam Syafi'e juga pernah menerima pemberian satu ribu dinar dari-

pada Khalifah Harun Al-Rashid, begitu juga Imam Malik menerima harta yang banyak sewaktu pemerintahan Al-Mansur dan Al-Mahdi. Walau bagaimanapun ulama Salaf menegah daripada menerima harta tersebut kerana mengambil sikap warak. (Maqasid Al-Islam: 268)

Maka dalam hal ini jika seseorang mengambil atau menerima sesuatu yang dianggap halal daripada seseorang sedangkan hakikatnya sesuatu itu haram, seperti hasil rompakan atau curian sedang orang yang menjual atau memberi itu pada zahimnya adalah orang baik-baik, maka penerima tersebut tidak dianggap berdosa di akhirat. Tetapi jika pada zahimnya penjual atau pemberi itu adalah orang yang tidak baik (seperti pencuri atau perompak), maka penerima dipersalahkan di akhirat. Adapun di dunia dia tidak dipersalahkan kerana dia mengambil (menerima) dengan cara yang diharuskan syarak.

إرشاد حاكم

IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail: mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 102 Siri Akhir

(Tanat Al-Talibin: 3/9)

Ibnu Hajar Al-Haithami menyatakan ketika beliau ditanya tentang hukum pemberian daripada para pembesar, bahawa harus menerima manamana hadiah atau pemberian daripada para pembesar selama mana pemberian itu tidak nyata (terbukti) haramnya. Dalam hal ini beliau memberikan contoh pada makanan dan minuman. Sekiranya seseorang memakan sesuatu makanan, kemudian ternyata yang dimakannya itu milik orang lain sedang orang yang memberi makan itu adalah orang baik-baik (pada pandangan atau anggapan penerima), maka penerima tersebut tidak dianggap berdosa di akhirat. (Al-Fatwa Al-Kubra: 2/153)

Berdasarkan keterangan di atas dapatlah diambil kesimpulan bahawa harus menerima pemberian orang yang diandai-

kan hartanya bercampur dengan antara yang halal dan yang haram selama tidak jelas pemberiannya itu adalah daripada hartanya yang haram.

Islam sangat menggalakkan semua bentuk pemberian taw'uk (sukarela) sama ada hadiah, hibah, sedekah atau wakaf kerana ia mempunyai perannya yang tersendiri. Universiti Al-Azhar umpamanya telah dapat menunaikan perannya terhadap dunia Islam sejak berabad-abad yang lalu hingga sekarang kerana adanya harta wakaf yang dimilikinya. Demikian itulah juga yang terjadi kepada zakat sebagai pemberian wajib, jika pengagihannya tersusun rapi dapat menjadi penyumbang terhadap kehidupan masyarakat Islam yang lebih baik. Khas dalam perkara hadiah, Islam mengingatkan supaya umatnya tidak terjebak dengan penerimaan hadiah yang berbentuk rasuah sebagaimana yang disebutkan oleh Al-Quran dan Al-Sunnah mengenai larangan dan pengharamannya.

DIDALAM hidup ini kita tidak terlepas dari menerima dugaan daripada Allah Subhanahu Wataala. Dalam perkara ini ramailah yang akan sesat akibat tidak dapat mengawal diri daripada dugaan yang Allah ujian seperti menjadi miskin, sakit, kemalangan dan lain-lain.

Kita sebagai umat Islam mestilah mempunyai kekuatan iman kerana dengan kekuatan iman kita sudah tentu tidak akan mudah tersesat akibat dari bahaya yang menimpa kerana orang yang mempunyai iman yang mantap dia yakin bahawa apapun yang terjadi di dunia ini, adalah menurut kehendak Allah, dialah yang menguasai atau mengatur alam semesta, seperti firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Buruj ayat 16 yang tafsirnya: "Yang berkuasa melakukan segala yang dikehendaki-Nya."

Kalau kita benar-benar sudah beriman tentu kita akan rela menerima apa saja ketentuan yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wataala di samping itu tentu kita berjalan ke arah kebaikan, memperkuat dan menetapkan kesabaran dalam diri ke-

Sabar menghadapi musibah

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

rana perkara ini disuruh seperti firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 200 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebaikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertakwalah kamu kepada Allah, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)."

Jelas kepada kita bahawa Allah menyuruh manusia agar bersabar dalam segala hal seperti kematian orang yang dikasihi, jatuh miskin setelah kaya, ditimpa penyakit, penderitaan, kesusahan atau bencana alam dan bermacam-macam musibah lagi yang ditimpakan kepada manusia. Orang yang tidak sabar mengalami musibah ini akan menanggung kerugian besar. Sebaliknya orang yang patuh dan bersabar dengan takdir Allah Subhanahu Wataala mereka akhirnya akan mendapat pertolongan daripada Allah Subhanahu Wataala. Orang yang sanggup bersusah

payah, menderita sambil berusaha dengan penuh sabar dan bersungguh-sungguh akhirnya akan berjaya dan beroleh kesenangan. Setiap orang Islam dikehendaki membiasakan diri dengan sifat sabar. Mereka yang hidupnya mengamalkan sifat sabar bukan sahaja diberi pahala yang akan mendapat ganjaran di akhirat, tetapi juga mendapat keuntungan dan kebaikan di

dunia. Semua ini diterangkan oleh Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 155 yang tafsirnya:

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil

tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar."

Begitulah nyatanya janji Allah kepada orang-orang yang bersabar yang tetap akan menerima kesenangan dan kegembiraan dengan balasan pahala yang berlipat ganda daripadaNya.

Adapun balasan kepada orang yang sabar ini di samping yang telah digambarkan tadi, sifat itu juga adalah merupakan keberkatan, kesempurnaan, rahmat dan petunjuk dari Allah, bahkan pada hakikatnya tidak dapat dibayangkan, ini kerana sangatnya kasih sayang Tuhan pada yang bersabar ini seperti yang dijelaskan oleh Allah dalam Surah Az-Zumar ayat 10 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira."

Di sini jelas bahawa Allah akan mencukupkan pahala orang yang sabar itu tanpa batas.

ORANG yang tidak sabar mengalami musibah ini akan menanggung kerugian besar. Sebaliknya orang yang patuh dan bersabar dengan takdir Allah Subhanahu Wataala mereka akhirnya akan mendapat pertolongan daripada Allah Subhanahu Wataala. Orang yang sanggup bersusah payah, menderita sambil berusaha dengan penuh sabar dan bersungguh-sungguh akhirnya akan berjaya dan beroleh kesenangan.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

PENGENALAN

APABILA menyebut puisi, terpancarlah dalam minda masing-masing dua hal yang mendominasi-kannya, iaitu puisi yang lama dan puisi baru. Puisi adalah bentuk pengucapan yang berirama, yang dihasilkan ataupun dilahirkan menerusi kemampuan minda kreatif lagi imaginatif daripada penyair atau pengarang.

Sebagai pembuka minda awal, saya ingin mengajak abiskita semua untuk lebih memahami urutan pensejarahan puisi. Sebenarnya katani tidak mengetahui sejak bilakah puisi itu bermula, atau dari mana, atau macam mana asal usul puisi yang puitis? Puisi sebenarnya pada pandangan saya ialah proses evolusi yang sudah ada semenjak manusia mengenal nilai-nilai tamadun kemanusiaan. Namun begitu tidak ada ahli sejarah sastera atau pakar mengenai sastera yang dapat (mampu) menetapkan tarikh bermulanya pengucapan puisi. Yang pasti ialah pengucapan puisi ini terhasil dalam bentuk rangkap yang primitif. Buktinya ialah adanya aktiviti sesuatu upacara dalam beberapa perayaan sesuatu bangsa, dan 'puisi awal mungkin ada hubungannya dengan muzik dan tarian' (Glosari Istilah Kesusasteraan, 1988:262). Yahya M.S. mengatakan bahawa "Perkembangan puisi sebenarnya telah bermula ketika manusia itu sudah pandai berfikir, pandai membunyikan irama, dapat memberikan keindahan kepada bahasa selain daripada kegunaannya sehari-hari sebagai alat percakapan. Sebab manusia memang selamanya gemar kepada keindahan, sama ada berupa gambar, bahasa, atau bunyi-bunyian." (Asas-Asas Kritik Sastera, 1983:1).

DEFINISI PUISI

Definisi puisi juga berbagai-bagai huraian. Daripada penulis Barat, beberapa nama yang tersohor dalam bidang sastera memberikan definisi puisi. Di antara mereka itu menghuraikannya seperti berikut:

1) Edgar Allan Poe

Puisi sebagai ciptaan tentang sesuatu keindahan dalam bentuk berirama. Cita rasa adalah unsur yang diutamakan. Hubungan dengan daya intelek atau dengan suara hati hanya merupakan hubungan yang selari. Jika bukan secara kebetulan, ia tidak ada kenamengena langsung sama ada dengan tugasnya atau dengan kebenaran.

2) William Wordsworth

Puisi adalah pengucapan yang imaginatif daripada perasaan yang mendalam, biasanya berirama... pengucapan secara spontan tentang perasaan yang memuncak timbul daripada daya ingatan ketika berada dalam keadaan tenang.

3) Samuel Taylor Coleridge

Jika tujuan sebenar dan tujuan segera ilmu sains ialah untuk memperoleh atau untuk mencapai kebenaran, maka tujuan puisi ialah untuk mendapatkan rasa kepuasan.

4) Mathew Arnold

Puisi... kritikan tentang kehidupan menurut keadaan yang ditentukan untuk kritikan itu sendiri melalui beberapa peraturan tentang keindahan dan kebenaran yang puitis.

5) Theodore Watts - Dunton

Puisi yang sempurna adalah pengucapan yang konkrit dan artistik tentang fikiran manusia melalui penggunaan bahasa yang emosional dan berirama.

6) Andrew Bradley

Puisi yang sebenar terdiri daripada rangkaian pengalaman tentang bunyi, imej pemikiran, dan emosi - yang kita alami sewaktu kita membacanya dengan cara yang sepuitis mungkin.

7) Edwin Arlington Robinson

Puisi adalah bahasa yang menyampaikan sesuatu melalui reaksi emosi, sesuatu yang sukar hendak dinyatakan, tidak kira sama ada puisi itu besar atau sebaliknya.

(Glosari Istilah Kesusasteraan, 1988: 262-3)

Bagi ZA'BA, "Puisi (karangan berangkap) dipakai untuk melafazkan fikiran yang cantik dengan bahasa yang indah, dan melukiskan kemanisan dan kecantikan bahasa. Maka dengan gambaran yang cantik itu perkara yang dikatakan itu bertambah menarik kepada hati yang mendengarnya." (Ilmu Mengarang Melayu, 1965: 218). Daripada pandangan Islam pula dapat dirumuskan "bahawa puisi merupakan suatu produk penulisan atau lisan yang dihasilkan oleh sasterawan yang beriman dengan niat yang jujur dan ikhlas semata-mata kerana mendapatkan keredaan Allah. Hasil tersebut, bertujuan untuk berakhlak, mengajak kebaikan dan mencegah kejahatan." (Haji Nurazmi Kuntum dalam Bahana, Mac 1998:38). Mungkin pengertian puisi dapat dirumuskan seperti berikut, iaitu: Wacana yang mampu mengemukakan

PUISI PATRIOTISME DALAM HASRAT MERDEKA

Siri Pertama

OLEH MAS OSMAN

hal-hal yang menjadikan pembacanya terhibur, tergugah minda, dan terasa kepuasan yang sejajar dengan keredaan Allah, dan untuk wacana tersebut sentiasa menjurus ke arah kebaikan dan kebajikan seluruh umat dan bukannya menjurus ke arah yang negatif dan bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

HASRAT MERDEKA

Hasrat Merdeka (HM) merupakan antologi sajak tiga penyair Negara Brunei Darussalam, iaitu Wijaya, Adi Rumi, dan Badaruddin H.O. Menurut Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid (penulis 'Pengantar' antologi ini). "Sajak-sajak Adi Rumi dan Badaruddin H.O. yang termuat dalam antologi ini kebanyakan adalah sajak yang ditulis sekitar akhir tahun 1950-an dan 1960-an. Sementara sajak-sajak Wijaya pula ditulis mulai dari tahun 1966. Perbezaan tarikh penulisan di atas sedikit sebanyak mempengaruhi penilaian kita. Di samping itu, latar belakang pendidikan yang mereka alami juga memainkan peranan dalam melahirkan sajak. Walau bagaimanapun, tidaklah dapat dinafikan penulisan sajak di tahap tahun-tahun 50-an dan 60-an masih terikat dengan gaya penulisan puisi lama, atau sekurang-kurangnya masih mematuhi ikatan bunyi persajakan." (1995: v-vi).

Kesemua sajak yang terkumpul di dalam antologi HM ini ialah 88 buah. Wijaya dengan 43 buah, Adi Rumi dengan 27 buah, dan selebihnya 18 buah sajak hasil minda Badaruddin H.O. Menerusi penelitian sepintas lalu yang mampu saya usahakan, saya mendapati 33 buah sajak (kira-kira 37.5 peratus atau lebih sedikit daripada satu pertiga) menyentuh mengenai patriotisme. Justeru itulah saya berminat untuk memperkatakan perkara ini menurut kemampuan yang Allah kurniakan kepada saya untuk sama-sama katani fikiran, waimapun nanti, apa yang saya kurapkan ini tidak semestinya abiskita persetujuinya kerana selagi bergelar manusia, katani mempunyai tanggapan yang tersendiri. Mungkin kata-kata Yahya M.S., "Bagi saya, menulis -- menulis sajak khasnya dan kemudian lain-lain bidang - ialah satu usaha untuk berkhidmat memberi maklumat, membuka fikiran, untuk sama berfikir dan tidaklah mesti bersetuju dengan saya dalam apa juga perkara yang berkaitan dengan kehidupan kita baik sebagai bangsa atau sebagai ummah atau sebagai orang perseorangan. Mungkin barangkali fikiran dan saranan saya jika ada dalam tulisan itu menimbulkan berbagai-bagai reaksi. Tetapi kesudahannya mesti ada kesimpulan, iaitu: Adakah perkara yang diutarakan dalam satu-satu tulisan itu baik atau buruk? Dan sebagai penyudahnya: Jikalau demikian apakah yang patut kita lakukan." (Menghayati Sastera Islam Abad

Ke-21, 1998: 64-6) yang bersesuaian dengan pemikiran saya.

Pemilihan fokus puisi patriotik daripada antologi HM ini sebenarnya amat menarik minat saya untuk mengurapkannya, lebih-lebih lagi judul antologi ini sendiri memaparkan konsep ke jurusan tersebut. Perutusan patriotisme yang dihasilkan oleh ketiga-tiga penyair tersebut begitu menonjol, terutama kepada Wijaya dengan 24 buah sajak, sementara Adi Rumi dengan 8 buah sajak, dan Badaruddin H.O. cuma sebuah. (Sebenarnya penyajak antologi ini mempunyai koleksi sajak masing-masing yang bertemakan kepatriotikan, yang boleh katani baca dan nikmati daripada sumber lain).

TAKRIF PATRIOTISME

Patriotisme yang menjadi fokus saya dalam wacana ini bermaksud "Perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air" (Kamus Dewan, 1996: 987). Akar katanya pula patriot berasal daripada bahasa Inggeris yang maksudnya, 'Orang yang cinta akan tanah air dan sedia mempertahankannya' (Kamus Dwibahasa Oxford Fajar, 1994:245), dan 'Orang yang mencintai dan mempertahankan kedaulatan negaranya, pembela bangsa' (Kamus Dewan) dalam hubungan ini, satu lagi perkataan yang mempunyai konotasi yang mirip dengan patriotisme ini ialah 'nasionalisme' yang bermaksud 'perasaan cintakan bangsa dan negara sendiri yang mendalam' (Kamus Dewan 1996: 923). Jadinya kedua-dua perkataan ini mempunyai konotasi yang sama.

Dalam hal ini setiap insan perlu mempunyai jiwa yang patriotik kepada nrgaranya. Menerusi perasaan cinta kepada negara akan menjadikan katani sentiasa menghormati undang-undang dan perlembagaannya dengan mengekalkan keharmonian dan kestabilan negara, serta bersedia dengan sepenuh-penuhnya dan setulus-tulusnya mengabdikan diri demi kepentingan negara daripada dikacau-bilaukan, dikacau-bicaukan, dikacau-besahkan oleh anasir asing. Cara katani meluahkan atau menyampaikan rasa kasih sayang dan cinta kepada negara ada berbagai-bagai dan bermacam-macam. Satu daripadanya ialah menerusi pengucapan puisi.

Puisi yang nadanya berunsur patriotik sebenarnya begitu banyak dihasilkan oleh pelbagai golongan penulis di jagat ini. Mereka menghasilkannya, tentulah ingin meluahkan perasaan kasih dan cinta kepada negara masing-masing. Dengan peluahan isi hati yang dicatatkan itu akan menjadikan mereka merasa suatu kepuasan dalam penciptaan puisi. Perkara dominan yang memotivasikan dan menggerakkan minda penyair atau penyajak untuk menulis dan menghasilkan sajak adalah pada kebiasaannya berpunca daripada suasana persekitarannya. Suasana persekitaran inilah yang turut mengundang minda penyair untuk menerapkan pemikiran mereka itu ke bidang penulisan. Sehubungan dengan itu sebab-sebab ketiga-tiga penyair HM ini menghasilkan puisi atau sajak masing-masing yang bertemakan kepatriotikan di dalam antologi ini dapatlah diperturunkan pandangan daripada Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid seperti berikut:

"Sungguhpun begitu oleh sebab waktu penulisan sajak ini adalah dalam luapan gerakan kemerdekaan kebangsaan persekitaran tanah air, maka tema kemerdekaan/kebangsaan amat menonjol dan ketara. Contohnya seperti sajak 'Lagu Akhir di Taman Merdeka,' 'Hari Baru' oleh Adi Rumi, 'Di Bawah Sedar' oleh Badruddin H.O., dan 'Hasrat Merdeka' dan 'lukisan Sukma' oleh Wijaya.

Perjuangan untuk kemerdekaan sesebuah tanah air adalah satu hakikat yang wajib dituntut. Ia merupakan maruah yang tidak ternilai harganya. Justeru itu suara-suara keras dan pengorbanan amat kerap kita temui di mana-mana negara yang pernah dijajah atau dinaungi." (1995:vii).

Bersambung

**PUISI sebagai
ciptaan tentang sesuatu
keindahan dalam bentuk
berirama. Cita rasa adalah
unsur yang diutamakan.
Hubungan dengan daya intelek
atau dengan suara hati hanya
merupakan hubungan yang
selari. Jika bukan secara
kebetulan, ia tidak ada kena
mengena langsung sama ada
dengan tugasnya atau
dengan kebenaran.**

IT kuasai kehidupan seharian

BERAKAS, 29 Jun.- Konsep 'Electronic Government' telah mula mengambil tempat di bidang pekerjaan dalam agensi-agensi perkhidmatan awam, sementara 'Electronic Education' di sekolah-sekolah melalui Internet, manakala 'Electronic Commerce' pula digunakan di bidang perdagangan.

Teknologi informasi perhubungan nampaknya semakin memainkan peranan penting bukan sahaja menjurus dalam bidang pekerjaan malahan dalam kehidupan seharian masyarakat.

Pengarah Penerangan, Abd. Ghani bin Pengiran Haji Metussin menyatakan demikian dalam Majlis Penyampaian Sijil Kursus 'Introduction To Personal Computer I' dan Kursus Kumpulan Kerja Cemerlang bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan di sini.

"Secara umum, trend kehidupan kita di masa hadapan akan banyak diwarnai dengan konsep elektronik. Bagi kita di Jabatan Penerangan, fenomena ini juga akan kita hadapi," tegas Abd. Ghani.

Menurut Pengarah Penerangan, pada masa ini kerja taip-menaip hampir seratus-peratus dibuat menggunakan komputer peribadi menggantikan peranan mesin taip biasa atau elektrik.

Dalam pada itu, katanya, penyediaan 'layout' bagi bahan-bahan cetak juga bertukar corak daripada manual kepada 'electronic layout,' manakala penyampaian maklumat sudah mula dibuat dalam laman web selain bahan-bahan cetak dalam bentuk 'hard copy'.

Pada masa yang sama tambah Abd. Ghani, surat-menyurat pula diterima dalam bentuk e-mel yang kepantasan penerimaan daripada pengirim hanya dalam beberapa saat sahaja malah banyak lagi urusan pekerjaan akan diserapkan dalam bentuk elektronik.

Fenomena seumpama itu ujar beliau, merupakan cabaran yang patut disahut dan dihadapi di masa hadapan yang memerlukan cara dan kaedah baru dengan meningkatkan kesedaran dan kemahiran dalam bidang komputer.

Pengarah Penerangan menyeru pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan agar meningkatkan dan menguatkan kedudukan dalam literasi komputer.

"Oleh itu, langkah-langkah ke arah memantapkan keupayaan segenap lapisan pegawai dan kakitangan dalam bidang komputer akan diteruskan dan digiatkan melalui latihan-latihan secara formal dan tidak formal," jelasnya.

Menyentuh tentang Kursus Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC), beliau menyifatkan penubuhan lima kumpulan kerja cemerlang di Jabatan Penerangan sebagai salah satu langkah positif ke arah meningkatkan tahap perkhidmatan dan kualiti kerja di jabatan itu.

Katanya, adalah dihasratkan agar lebih banyak KKC akan ditubuhkan di masa akan datang bagi mencapai tujuan tersebut.

Kursus komputer dikendalikan oleh pembimbing-pembimbing dari Institut Teknologi Brunei (ITB), sementara Kursus KKC pula dibimbing oleh pegawai-pegawai dari Institut Perkhidmatan Awam (IPA).

Terdahulu Awang Haji Yusof bin Haji Ladi, Ketua Bahagian Latihan dan Teknologi Maklumat Jabatan Penerangan, dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan hampir 90 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan telah mengiku-

Oleh Sahari Akim

ti kursus asas komputer, Excel dan Power Point.

Tambahnya, terdapat juga beberapa orang pegawai yang mengikuti pelbagai kursus yang dikendalikan oleh IPA dan agensi-agensi kerajaan yang lain atau mengikuti kursus penempatan di luar negeri, manakala dua orang pegawai kini sedang mengikuti pengajian di Universiti Brunei Darussalam.

Awang Haji Yusof menerangkan, pada masa hadapan Jabatan Penerangan akan terus mengadakan kursus-kursus lanjutan di bidang komputer seperti

'layout', 'page maker', pengisian laman web dan sebagainya tidak terkecuali bidang-bidang lain yang difikirkan perlu bagi meningkatkan mutu serta kualiti kerja jabatan.

Sementara itu Awang Haji Timbang bin Bakar, Pegawai Penerangan yang juga selaku wakil peserta menyifatkan kursus-kursus yang diikuti sebagai penting dan bermanfaat kepada pegawai dan kakitangan dalam pelaksanaan tugas harian mereka.

Ketika memberikan pujian kepada Bahagian Latihan dan Teknologi Maklumat atas usaha menganjurkan kursus tersebut, Awang Haji Timbang berharap agar lebih banyak lagi kursus di pelbagai bidang dapat diunkayahkan.



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani bin Pengiran Haji Metussin ketika menyampaikan sijil Kursus Pengenalan Komputer I kepada Awang Aliddin bin Haji Mokhtal, salah seorang pegawai dari Jabatan Penerangan yang mengikuti kursus tersebut. - Gambar oleh Haji Masmaiah HMA.



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani dan para pegawai dari Jabatan Penerangan ketika bergambar ramai dan seterusnya mengalu-alukan rombongan penuntut-penuntut Program Kepimpinan Usahawan Universiti Monterrey, Mexico yang mengadakan lawatan lima hari ke negara ini. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



"KEINDAHAN dan keunikan negara ini menarik perhatian para penuntut dari Mexico," jelas Konsul Kehormat Mexico ke negara ini, Awang Musa bin Admin. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Penuntut universiti Mexico lawat Brunei

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 6 Julai. - Jabatan Penerangan menerima kunjungan dari penuntut-penuntut Program Kepimpinan Usahawan Universiti Monterrey, Mexico yang mengadakan lawatan selama lima hari ke negara ini.

Pengarah Penerangan, Abd. Ghani bin Pengiran Haji Metussin ketika mengalu-alukan ahli-ahli rombongan tersebut menyambut baik lawatan seumpama itu dan berharap agar hubungan rakyat kedua-dua buah negara akan dapat dieratkan.

Beliau juga berharap agar mereka akan dapat mengetahui secara lebih dekat mengenai negara ini, masyarakatnya, adat resam dan budaya, peluang-peluang perniagaan serta keindahan tempat-tempat menarik di negara ini.

Abd. Ghani seterusnya berharap agar lebih ramai lagi masyarakat Mexico berkunjung ke negara ini, apatah lagi negara ini akan menganjurkan Tahun Melawat Brunei pada tahun 2001.

Semasa lawatan tersebut, rombongan telah diberikan taklimat bertajuk 'Brunei Darussalam: An

Overview of Current Government System' yang disampaikan oleh Awang Haji Yusof bin Haji Ladi, Ketua Bahagian Latihan dan Teknologi Maklumat.

Taklimat berkisar mengenai Latar Belakang Sejarah Awal Negara Brunei Darussalam, Sistem Residen, Perlembagaan, Kemerdekaan dan Struktur Kerajaan pada ketika ini.

Rombongan seramai 28 orang itu, juga berkesempatan menyaksikan tayangan video bertajuk 'Land Of Golden Opportunity' dan 'Tourism Guide' diikuti dengan sesi soal jawab.

Sementara itu, dalam temu bual dengan pihak media, Konsul Kehormat Mexico ke negara ini, Awang Musa bin Admin antara lain berharap agar penuntut-penuntut itu akan dapat melihat secara dekat mengenai keunikan Negara Brunei Darussalam dan membawa kenangan manis untuk dibawa pulang.

Katanya, "Adalah diharapkan mereka akan dapat memberitahu atau menceritakan tentang keunikan dan keindahan negara ini kepada masyarakat Mexico untuk mereka melawat ke negara ini."

Beberapa orang wakil rombongan yang sempat ditemu bual pula antara lain rata-rata menyatakan mereka tertarik untuk mengadakan lawatan ke negara ini kerana keunikan danindahannya di samping mempunyai banyak persamaan dengan Mexico.

Mereka berkata, Negara Brunei Darussalam dan Mexico, masing-masing merupakan pengeluar minyak selain sama-sama menganggotai Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan pertubuhan-pertubuhan dunia yang lain.

Selain melawat Jabatan Penerangan, rombongan itu juga mengadakan lawatan ke Universiti Brunei Darussalam; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Logi Gas Cecair Asli; Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan tempat-tempat menarik yang lain.

Kursus Asas Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)

SERIA, 27 Jun. - Murid-murid sekolah rendah kerajaan di negara ini telah dididik dari awal lagi dengan tahap disiplin dan pencapaian motivasi yang tinggi.

Ke arah itu, guru-guru besar dan penolong guru-guru besar Jabatan Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan Daerah Belait telah menganjurkan Kursus Asas Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) bagi murid-murid sekolah rendah kerajaan di Daerah Belait yang diadakan di Dewan Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof di sini.

Seramai 185 murid darjah empat hingga lima dari 12 buah sekolah rendah kerajaan di Daerah Belait menyertai kursus berkenaan yang bertujuan untuk melatih murid-murid ini menjadi contoh terbaik kepada rakan sebaya mereka.

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

Selain itu kursus berkenaan juga melatih mereka bersikap prihatin dan bertanggungjawab bukan sahaja kepada masyarakat tetapi juga kepada rakan sebaya mereka.

Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof telah mengadakan Kursus PRS ini sejak ianya mula diperkenalkan pada tahun 1996. Antara aktiviti yang dijalankan semasa kursus itu termasuk perkhidmatan, lawatan ke jabatan-jabatan kerajaan, kursus asas kemasyarakatan dan kursus lanjutan sepanjang tahun. Aktiviti-aktiviti berkenaan diadakan di beberapa buah sekolah yang dipilih di daerah ini.



MURID-MURID dari 12 buah sekolah rendah kerajaan di Daerah Belait ketika mengikuti Kursus Asas Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) yang diadakan di Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof, Seria. - Gambar ihsan Law Hul Yun.



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Haji Harun bin Juned ketika menyampaikan sebuah perahu serta peralatan-peralatan bagi menangkap ikan kepada Awang Mohammad Arifen bin Haji Budiman. - Gambar oleh Mahmud Hl.

Bantuan peralatan menangkap ikan

Oleh Haji Ahmad HS

JERUDONG, 3 Julai. - Hasrat kerajaan untuk terus membantu mereka yang kurang berkemampuan di negara ini sentiasa diberi perhatian. Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat telah melaksanakan program-program pengagihan wang zakat kepada orang-orang yang berhak menerimanya.

MUIB melalui Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat telah memberikan bantuan berupa sebuah perahu serta peralatan-peralatan lain bagi menangkap ikan kepada Awang Mohammad Arifen bin Haji Budiman.

Majlis Penyampaian Bantuan itu disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha majlis berkenaan, Awang Haji Harun bin Juned kepada Awang Mohammad Arifen bin Haji Budiman di rumah mertuanya No. 94, Jalan Kubu, Kampong Jerudong.

Beliau berusia 32 tahun, sudah berumah tangga dan mempunyai tanggungan 12 orang anak dan lima daripadanya sudah bersekolah.

Menurut siaran akhbar MUIB, harga keseluruhan bagi peralatan-peralatan ialah \$12,704.00. Dari jumlah itu \$11,100.00 bagi membeli sebuah perahu

fibreglass, 19 kaki panjang, enjin Yamaha 60 kuasa kuda, steering, control box dan dua kabel kotak kawalan serta trailer 19 kaki panjang dan \$1,604.00 bagi membeli alat-alat untuk menangkap ikan termasuk peralatan pengesan takat jenis GPS 12.

Siaran itu menambah, penyerahan bantuan seumpamanya itu adalah kali kedua dan kali pertama pernah diberikan berupa sebuah perahu dan enjin serta peralatan menangkap ikan yang bernilai \$11,067.50 kepada seorang penerima asnaf fakir miskin, Awang Jusni bin Ahmad dalam tahun 1998 di Bukit Kaboh, Jalan Jerudong.

Sebelum majlis penyerahan itu dijalankan, pihak PELITA BRUNEI sempat menemu bual dengan Awang Mohammad Arifen, merupakan penerima kedua dari Majlis Ugama Islam berkata, selepas berhenti sebagai anggota R.U. Polis Diraja Brunei dalam tahun 1997, beliau berkebudan dan menanam sayur bagi menampung perbelanjaan keluarganya.

Katanya, memandangkan menanam sayur tidak begitu mendatangkan hasil yang cukup, kemudian beliau beralih usaha dengan menangkap ikan yang mana jelasnya menggunakan perahu yang dibuat daripada kayu yang tidak begitu tahan.

Katanya lagi, bagi kesinambungan projek berkenaan, jabatannya dengan kerjasama jabatan-jabatan yang berkaitan dan pihak-pihak tertentu akan memantau dan menye- laras penanaman pokok-pokok bagi memastikan suasana kehijauan se- panjang masa sesuai dengan per- anan dan tanggungjawab jabatannya sebagaimana yang diamalkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Seramai 400 orang terdiri dari- pada pegawai dan kakitangan kera- jaan, swasta, persatuan dan penun- tut sekolah serta masyarakat yang tinggal di bandar menyertai penana- man pokok di hari pelancaran itu.

Projek selain bertujuan untuk menambahkan lagi kecantikan ka- wasan-kawasan berkenaan yang telah diliasai dengan seni bina landskap, ianya juga bagi mewujudkan suasana persekitaran yang se- lega dan bersih sejajar dengan pembu- ngunan dewasa ini.

Dalam waktu yang sama, projek juga diselenggarakan bagi menambah serinya sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tahun Melawat Brunei 2001. Tema projek 'Persekitaran Indah Masyarakat Sejahtera'.



MENYUSUR MUKIM DAN KAMPUNG



PEGAUWI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani ketika menyampaikan ucapan di Majlis Pengundian Calon Ketua Kampong Merangking (atas). Sementara gambar bawah pengundian calon bagi jawatan Ketua Kampong Merangking diadakan di Dewan Serbaguna kampung berkenaan. - Gambar ihsan Haji Nasip Rosli.



Swasta taja acara perayaan

Oleh Samle HJ

JERUDONG, 6 Julai. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin yakin Jawatankuasa Penerbitan, Tajaan dan Cenderamata akan menaikkan taraf dan mutu persembahan acara-acara perayaan di tahun-tahun mendatang dengan penglibatan yang lebih meluas melalui secara tajaan syarikat-syarikat swasta.

"Oleh yang demikian, sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan boleh dijadikan sebagai tarikan pelancong-pelancong yang melawat ke negara ini sekali gus menambahkan kemegahan perayaan," jelasnya selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan di Majlis Pelancaran Buku Panduan 'SUTERA' dan Laman Web sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun di sini.

Katanya, penerbitan sulung Buku Panduan, 'SUTERA' itu bukan hanya merupakan salah satu bahan bagi menyebarkan maklumat tentang sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan,

tetapi adalah juga dihasratkan sebagai salah satu bahan kenangan untuk disimpan dan ristaan masa akan datang.

Beliau menambah, gabungan penerbitan-penerbitan sempena acara tahunan gilang-gemilang di keempat-empat daerah itu melambangkan semangat kerjasama erat dan tulen di kalangan jawatankuasa-jawatankuasa tertinggi dengan masyarakat di keempat-empat daerah.

"Penerbitan buku berkenaan juga memerlukan sokongan syarikat-syarikat swasta dan orang-orang perseorangan dan perpaduan semua peringkat masyarakat melalui pihak kerajaan dan swasta perlu terus disemai dan dipertingkatkan dalam sama-sama membangun dan memajukan negara," jelasnya dalam majlis yang berlangsung di Banquet Hall, Kelab Polo Jerudong.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin ketika menyampaikan Buku Panduan SUTERA kepada salah seorang wakil pihak swasta yang menaja acara perayaan tahun ini, sejurus melancarkan Buku Panduan SUTERA dan Laman Web sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun. - Gambar oleh Harun HR.

Patuhi peraturan kewangan

BERAKAS, 8 Julai. - Pemborong dan pegawai-pegawai di Kementerian yang berurusan dengan perbelanjaan wang kerajaan hendaklah mematuhi segala peraturan-peraturan dan undang-undang yang ada supaya ia tidak akan menyusahkan mana-mana pihak.

Peraturan-peraturan dan undang-undang kewangan yang dibuat itu ialah bagi memudahkan mana-mana pihak yang berurusan dengan kerajaan khususnya, di Kementerian Pendidikan supaya ia berjalan dengan teratur dan lalin serta tidak akan mendatangkan sebarang masalah,

oleh yang demikian wajiblah ia dipatuhi.

Setiasua Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim membuat seruan demikian di Majlis Taklimat dan

Dialog Mengenai Undang-undang dan Peraturan Urusan Perdagangan Kementerian berkenaan di Berakas kepada serombongan ahli-ahli dari Dewan Perusahaan dan Perniagaan Melayu (DPPM) yang diketuai oleh Setiausaha Agungnya, Awang Haji Mohammed Said bin Haji Yaakub.

"Kerjasama kedua-dua pihak iaitu dari syarikat dan pegawai-pegawai yang terlibat dalam memastikan peraturan-peraturan kewangan mestilah dipatuhi dan diperlukan demi untuk kesempurnaan dan kejayaan urusan niaga dan pelaksanaan projek-projek kerajaan," katanya.

Tambahnya, cara-cara membelanjakan peruntukan juga adalah dibuat mengikut kadar jumlah perbelanjaan tersebut.

Misalnya bagi perbelanjaan yang melebihi \$150,000 pembelian adalah diberi melalui Lembaga Tawaran Negara (LTN) bukannya melalui tawaran yang ada di Kementerian tersebut.

Jelasnya, Kementerian hanya akan memberitahu apa yang akan diperlukan dan urusan-urusan yang lain akan diserahkan kepada LTN.

"Bagi perbelanjaan yang kurang \$150,000 pembelian dibuat lazimnya melalui Lembaga Tawaran Kecil (LTK), Kementerian Pendidikan, perbelanjaan yang kurang daripada \$20 ribu pembelian adalah dibuat secara sebut harga atau quotation," tegasnya.

Sementara itu jelasnya, bagi perbelanjaan yang melebihi \$20,000 dan kurang \$150,000 pula secara lazimnya akan dibuat secara tawaran terbuka atau open quotation oleh LTK.

Sebanyak tujuh unit menyampaikan taklimat di majlis itu termasuk Unit Tawaran dan Sebutharga, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Bahagian Rancangan Pemakanan dan Asrama, Unit Kenderaan dan Pengangkutan, Unit Perancangan dan Pemeliharaan, Bahagian Sekolah-sekolah Bukan Kerajaan dan Jabatan Sekolah-Sekolah.

Juga menyampaikan taklimat ialah Unit Penerbitan dari Jabatan Perkembangan Kurikulum dan Bahagian Kewangan dari Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan.

Taklimat yang julung-julung kalinya diadakan oleh kerajaan bersama dewan-dewan perniagaan di negara ini, diharapkan sedikit sebanyak boleh menyelesaikan masalah yang wujud ketika syarikat-syarikat berurusan niaga bersama Kementerian Pendidikan. Di samping memberi peluang kepada pihak peniaga untuk bertanya dan memperoleh penerangan tentang masalah yang mereka hadapi ketika ini.



SETIASUAHA Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim memberikan taklimat kepada ahli-ahli dari Dewan Perusahaan dan Perniagaan Melayu (DPPM) di Majlis Taklimat dan Dialog Mengenai Undang-undang dan Peraturan Urusan Perdagangan Kementerian Pendidikan. Majlis berlangsung di Kementerian Pendidikan. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

GADONG, 6 Julai. - Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajjah Hairani menegaskan agar setiap jururawat yang profesional diistimakan untuk sentiasa mengambil perhatian dan peka terhadap perkembangan-perkembangan terkini bukan sahaja dari segi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran malah dari segi memahami kehendak, keperluan dan sensitiviti masyarakat.

Pengiran Hajjah Hairani menambah, sebagai para profesional yang sentiasa berdamai dengan orang ramai, ekspektasi untuk para jururawat memberikan perkhidmatan yang baik dan berkualiti adalah tinggi.

"Justeru itu dalam mereview atau menilai semula kurikulum, adalah penting untuk Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiyah memberikan perhatian yang wajar kepada menyempurnakan nilai-nilai murni ke dalam jiwa dan sanubari bakal-bakal jururawat agar mereka ini akan dapat membina sikap positif dan pembawaan yang terpuji sesuai dan selaras dengan penghayatan etika kerja perkhidmatan awam yang dilandaskan kepada Al-Quran dan hadis," tegasnya.

Berucap selaku tetamu kehormat dan menutup rasmi Bengkel Kejururawatan 'Curriculum Review: A Framework For Assessing Learning Outcomes' yang berakhir hari ini, Pengiran Hajjah Hairani menekankan pentingnya para tenaga pengajar di maktab ini me-

Oleh Siti Muslihat HS

lakukan 'self-appraisal' atau 'penilaian sendiri' yang melibatkan pengurusan, pembelajaran, pengajaran, peperiksaan, penggunaan sumber tenaga manusia, sumber kewangan, peralatan, ko-kurikulum, disiplin, kesejahteraan pelajar dan lain-lain.

Dengan melakukan 'self inspection' atau 'pemeriksaan sendiri', pihak maktab jelasnya, akan dapat menilai secara kritikal berpandukan petunjuk ataupun dengan cara menilai tahap kecukupan dalam menentukan tahap pencapaian dalam aspek-aspek yang tersebut di atas.

"Dengan menilai aspek-aspek yang tersebut secara sistematik dan komprehensif, pihak maktab akan

Jururawat perlu peka perkembangan terkini

berupaya untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam aspek-aspek yang disebutkan dan dengan ini akan membantu pihak maktab untuk merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan pembaikan yang bersesuaian," tegasnya lagi.

Pengiran Hajjah Hairani berharap dengan melaksanakan aspek di atas, maktab ini akan dapat mengeluarkan graduan-graduan yang bukan sahaja berilmu dan berke-mahiran malah mempunyai keiktizaman, sikap dedikasi yang tinggi, kepribadian mulia yang mampu

untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kejururawatan agar ianya setaraf dan sebanding dengan mutu perkhidmatan kejururawatan di negara-negara yang maju dan membangun.

Di majlis yang berlangsung di Auditorium Maktab Jururawat PAPRSB di sini, beliau juga menyampaikan siji-siji kepada lebih 50 peserta bengkel yang terdiri daripada para pegawai Kementerian Kesihatan dan para jururawat di Maktab Jururawat PAPRSB.



PENGARAH Kenaziran Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajjah Hairani ketika menyampaikan siji kepada salah seorang peserta yang mengikuti Bengkel Kejururawatan. - Gambar oleh Mahmud HI.

BERAKAS, 3 Julai. - Timbalan Pengerusi Penyajian Diraja Brunei (RBC), Dato Paduka Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh yang juga selaku Penolong Pengarah Pengurusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyifatkan industri penyajian makanan atau catering industry adalah satu industri yang mempunyai potensi untuk meningkat di negara ini.

Lebih-lebih lagi dengan adanya usaha-usaha kerajaan untuk mempromosikan negara ini sebagai salah satu destinasi pelancongan di rantau ini, khususnya pada menyambut Tahun Melawat Brunei 2001.

"Beberapa buah hotel baru telah pun memulakan operasi mereka dan hotel-hotel ini sedikit sebanyak memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan yang mempunyai kemahiran di bidang penyajian makanan," katanya.

Dato Paduka berucap demikian di Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (M.O.U) di antara Penyajian Diraja Brunei (RBC) dan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) serta Menandatangani Perjanjian Latihan Aperintis (A.T.A) dan Penyampaian Sijil Graduan Penyajian Makanan dan Minuman bertempat di Restoran Muhibbah, Berakas.

Beliau juga menyeru dan berharap supaya lebih banyak lagi majikan-majikan lain akan tampil ke hadapan untuk sama-sama menaja skim aperintis ini, seterusnya memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan yang mana kadar pengangguran di kalangan mereka ini semakin meningkat.

Di samping itu, Dato Paduka juga menyuarakan agar aperintis-aperintis yang terpilih untuk mengikuti skim ini supaya dapat menumpukan dengan penuh minat, tekun dan dedikasi semasa menjalankan latihan sehingga berjaya menamatkan latihan dengan cemerlang.

Tambahnya lagi, ibu bapa mereka juga memainkan peranan penting untuk memberi sokongan penuh dan komitmen kepada anak-anak mereka agar mereka ini berjaya menamatkan latihan dan masuk ke alam pekerjaan sebagai seorang pekerja yang mempunyai kema-

hiran dan berkualiti tinggi.

Perjanjian Persefahaman di antara RBC dan MTSSR adalah bagi RBC menerima enam orang aperintis dari MTSSR yang akan meneruskan latihan mereka selama dua setengah tahun bersama RBC setelah memasuki MTSSR pada bulan Mei lalu.

Menandatangani bagi pihak RBC ialah Pengurus Umumnya, Awang Nelson Chong yang disaksikan oleh Awang Peter Flemming sementara MTSSR oleh Pengetuanya, Awang Haji Daud bin Haji Mahmud; Pengarah Pendidikan Teknikal, Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Abu Bakar menyaksikan majlis tersebut.

Sementara itu, Perjanjian Latihan Aperintis (A.T.A) pula ditandatangani oleh Pengurus Umum RBC, Awang Nelson Chong dan aperintis yang terlibat yang disaksikan oleh Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Mereka ialah Awang Hamdinie bin Haji Mohammad, Dayang Suzanawaty binti Mohd., Awang Mohammad Nurhaini bin Salleh, Dayang Rosuhani binti Wahid, Awang Mohd. Hadaphilmi bin Haji Harun dan Dayang Eda Saryati binti Sadoran.

Industri penyajian makanan semakin diminati

Oleh Abdullah Asgar

Aperintis ini adalah di antara 12 orang yang terpilih untuk melanjutkan latihan di beberapa buah restoran di negara ini, manakala yang lainnya menjalani latihan penyajian di Hotel Sheraton Utama, Kelab Polo Jerudong Park dan Hotel Orchid Garden, di Berakas.

Manakala itu tetamu kehormat juga menyampaikan sijil graduan kepada 17 orang pelatih dalam bidang makanan dan minuman yang telah berjaya sebagai graduan.

PELITA BRUNEI juga sempat menemuduga empat orang aperintis yang berjaya menjalani latihan di RBC, Awang Mohd. Hadaphilmi bin Haji Harun, 21 tahun melahirkan rasa kegembiraan dan bersyukur kerana terpilih untuk menjalani skim di RBC, kerana baginya ini adalah nasib memandangkan banyak calon yang membuat permohonan tetapi gagal dan terpaksa bersaing.

Sementara bagi Dayang Suzanawaty binti Haji Mohammad 18 tahun juga merasa gembira dan bernasib baik untuk menjalani latihan di RBC, kerana katanya banyak cabaran terutama dari rakan sebaya yang sama-sama berkeinginan untuk menjalani di sini.



TIMBALAN Pengerusi Penyajian Diraja Brunei (RBC), Dato Paduka Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh ketika menyampaikan sijil kepada salah seorang graduan Penyajian Makanan dan Minuman. Majlis berlangsung di Restoran Muhibbah, Berakas. - Gambar oleh Pengarah Haji Behar PHO.

Begitu juga dengan Awang Hamdinie bin Haji Mohammad, 18 tahun yang merasa beruntung kerana terpilih bagi menjalani latihan yang sama dan tidak berhasrat untuk melanjutkan latihan ke luar negeri kerana setelah tamat beliau akan terus berkhidmat di RBC seandainya diberi peluang.


Bagi Dayang Rosuhani binti Wahid, 19 tahun pula belum pasti akan masa depannya memandangkan sudah mempunyai peluang pekerjaan di RBC dalam bidang penyajian tetapi untuk terus bertugas di sana masih belum boleh ditentukan.



PENGARAH Pendidikan Teknikal, Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Abu Bakar dan Pengetua Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Awang Haji Daud bin Haji Mahmud menandatangani bagi pihak MTSSR bagi Perjanjian Persefahaman antara RBC dan MTSSR.



MENANDATANGANI Bagi Penyajian Makanan Diraja Brunei (RBC) ialah Pengurus Umumnya, Awang Nelson Chong.



EMPAT aperintis yang berjaya menjalani latihan di RBC ialah Awang Mohd. Hadaphilmi bin Haji Harun, Dayang Suzanawaty binti Haji Mohammad, Dayang Rosuhani binti Wahid dan Awang Hamdinie bin Haji Mohammad.

PERKENALAN yang singkat, bermula dari tembangan bahunya dan bahu dengan tak disengaja, menyebabkan segala buku-buku yang ada di kepitannya terlepas jatuh bertaburan, dia memandang penuh kemurkaan dengan rona wajah kemerahan lalu mengutip kembali buku-buku yang bersepadu di lantai simen lorong kecil antara deretan buku-buku yang tersergam beraneka corak pada sebuah kedai. Pun demikian aku juga ikut menolong mengutip tanpa mpedulikan cemuh yang telah dia lontarkan, walaupun telah kupohon maaf segala apa yang telah terjadi. Padahal semua kejadian berlaku itu sama-sama kita tak menduga, matanya liar mencari sesuatu pada deretan buku-buku yang terpamer dengan langkah begitu laju ... sedang aku hendak menyeberangi lorong kecil juga mencari sesuatu amat terperanjat apabila bahu kita bersentuhan. Mana-mana buku yang dapat kukutip aku serahkan kembali padanya dengan sopan namun ucapan ".... lain kali tengok dulu apabila hendak melintas ..." telah kuterima sebagai ucapan terima kasihnya padaku.

Lebih dua minggu peristiwa itu berlaku, dengan tak disangka sewaktu aku dan Bakar sahabat karibku dalam perjalanan menuju ke Gadong, seorang gadis berdiri di tepi keretanya dia tunduk memerhatikan sesuatu, aku yang duduk di sebelah kiri sempat memandang si gadis berbaju biru, berkaca mata hitam bulat besar sewaktu kenderaan kami melintasinya, perasaan gundah menggamit rasa hatiku kerana gadis tadi seolah-olah pernah kutemui tapi ... di mana ya. Kenanganku cepat menjalar ke benua ingatan lantas kuberitahu sahabatku, "Kar, kita pusing balik ke tempat perempuan yang berdiri tadi."

"Kenapa? Ada apa-apa ke ni?" Dia kehairanan sambil memberikan lampu isyarat keretanya ke kanan untuk mengambil arah berpusing balik. "Rasa-rasanya perempuan tu pernah aku temui di kedai buku dua minggu lalu ... Tapi apa yang dibuatnya kat tepi jalan tu, okey kita jalan perlahan apabila melintasi dia nanti mana tau ada apa-apa masalah."

"Iyalah," jawabnya pendek sambil mengangguk-anggukkan kepala mengikut irama lagu dari kaset yang sentiasa berputar sebagai menghibur suasana dalam kereta. Kereta kami kian mendekati di tempat si gadis berdiri tadi, matakku sentiasa memerhatikan kereta yang diletakkannya di tepi jalan. Dia memandang kami seolah-olah ada masalah yang ditanggungnya namun tidak ada reaksi darinya. Tiba-tiba matakku terpancang pada tayar depan sebelah kiri keretanya pancit, pandangannya ke kereta kami melintas terus mengekori. "Kar, kita berhenti dulu, aku lihat tayar keretanya pancit di sebelah kiri," lalu Bakar memberhentikan kereta lebih kurang dua puluh meter di hadapan kereta si gadis.

Dalam keadaan ketika aku membuka dan memasang balik skrew-skrew tayar itu dia memberikan perlindungan dari pancaran mentari dengan payung yang telah digunakan sejak dia menunggu tadi, sedang perhatiannya penuh tertumpu padaku, setelah segala-galanya selesai, aku segera berdiri dan berpaling ke belakang, tersentak hatiku apabila dia memberi tuala kecil.

"Ya Ya Terima kasih Tiar kerana menolongku dan nah," lalu memberikan wang sebanyak lima puluh ringgit.

"Ini untuk awak berdua belanja minum kopi saja," dengan cepat tangan kananku menolak pemberianya.

"Terima kasih sajalah di atas pemberian itu, kerana tujuan Tiar menolong adalah kerana Allah bukan kerana duit tu," lantas aku tinggalkan dia, belum pun jauh aku beredar, dia memanggil namaku dari belakang.

"Aaa ... Tiar!!!, Tunggu sekejap," lalu menghampiriku.

"Namaku Suryati panggil saja Surya."

"Lambat sangat balik hari ini Surya ... dari mana kau tadi?" Tanya ibu Surya setibanya di rumah sewaktu dia ke dapur untuk melihat apa-apa yang

hendak dimakan. "Tak ke mana-mana mak, kereta tu yang buat hal tayar depan pancit. Su telefon di rumah ni tak ada jawapan, emak pula pergi ke mana tadi?"

"Emak pun tak ke mana-mana, barangkali sewaktu menjemur kain baju di luar tadi agaknya, manalah emak mendengar bunyi telefon tu, bunyi mesin pemotong rumput tu bising sangat," demikian penjelasan ibu Suryati yang sedang menyediakan bahan-bahan untuk memasak.

Sebenarnya kehidupan Suryati adalah dalam golongan yang sederhana, dia mempunyai abang seorang ahli perniagaan yang sedang meningkat maju. Mereka cuma dua beradik, ibunya hanya menguruskan rumah tangga dan ayahnya pula belum lama bersara dari pekerjaan sebagai seorang pegawai di Brunei Shell kini sedang mengusahakan ikan dan udang air tawar sebagai penyambung nafkah hidup mereka.

Walaupun kedua ibu bapa serta abangnya mempunyai peribadi yang peramah, tak pernah menyinggung diri namun bagi Suryati agak berbeza. Dia tak suka bergaul dengan sesiapa jika kurang menarik, baik dari segi pakaian atau perwatakan. Wajahnya yang cantik dan ayu tidak sesuai dengan perasaannya.

Ibunya kerap kali menasihati agar Surya segera mengubah perangai yang selalu meninggi diri dan ego, ibunya tak pernah mendidiknya begitu, sekonyong-konyong Suryati lama menuntut di luar negeri dan sekarang mendapat tuisyen di menara gading apatah lagi sudah puas bergaul dengan berbagai-bagai bangsa yang jauh lebih maju dan menghirup suasana riuh rendah keindahan negara orang padahal telah banyak orang-orang yang berpelajaran sepertinya ... tidak juga seombong itu.

Suana di dalam restoran di tingkat atas cukup sentimental, keadaannya tenang ditambah pula warna sinaran lampu-lampu yang lembut dan romantik. "Perkara apakah yang hendak awak sampaikan ni?" Ali Bakhtiar memulakan bicarannya pada Suryati yang ketika itu asyik memandang wajahnya lebih dekat lagi, sementara

makanan dan minuman telah pun dipesan.

"Tiar pertama kali Su meminta maaf segala apa yang telah Su lakukan tempoh hari," suara lembut dari Suryati.

"Maaf? Apakah kesalahan yang telah awak lakukan pada Tiar?" Ali Bakhtiar kehairanan apabila kata maaf telah diucapkan oleh Suryati.

"Apa, Tiar tak ingat ke sewaktu kita bertembung di kedai buku dulu Su merasa kesal segala ucapan yang telah Su lemparkan pada Tiar tempoh hari."

"Oooo tentang perkara tuuu sudahlah perkara yang lepas tak usah dikenang lagi, yang lalu biarlah berlalu bersama kenangan yang paling indah di pertemuan pertama, bagi Tiar segalanya adalah perkara biasa dan Tiar pun tak kisah sangat," Tapi Su merasa berdosa tau, sebab perkara yang lalu tu bukan Tiar sengajakan."

Celah Suryati sebelum habis kalimat Ali Bakhtiar.

"Iyalah Suryati segala peristiwa tu telah lama Tiar maafkan, bagi Tiar setiap kejahatan akan Tiar sambut dengan kebaikan kerana itu adalah amanah Allahyarhamah ibu Tiar, sewaktu beliau masih hidup, lagi pun kita tak boleh menyombong atau meninggi diri apatah lagi berendam dengan sesiapa, nanti orang tak mahu berkawan atau men-

OLEH
DZUL ISKANDAR

C
E
R
P
E
N

PAHIT JANGAN DIBUANG


dampingi kita malahan kita akan dibenci dan diperga-kata di belakang kita, lagipun tak ada untung-nya tau."

Air muka Suryati menjadi merah seolah-olah tamparan panas mentari di atas umbunan buat penyesalan betapa hidup ini tidak sentiasa berada di dalam kelimbiah, sedikit nasihat seperti sembulu menusuk tangkai jantung hatinya, Suryati akur. "Terima kasih Tiar di atas nasihat yang baik tu ... Aaa bolehkah Su tanya sedikit?"

"Boleh ... apa dia?"

Semenjak pertemuan itu perangai Suryati sudah jauh berubah, dia sekarang mempunyai teman kian bertambah, ada di antaranya yang pernah membencinya dulu segala keegoan juga perasaan meninggi diri telah pun lenyap dalam kamus hidupnya.

Kalau dulu dia memandang teman-temannya memakai pakaian murahan pastinya dijeling seakan memperli tapi sekarang kerap kali dipakainya. Dia tak terpengaruh lagi dengan pakaian berharga melebihi seratus lima puluh ringgit sehelai, konon menjaga imej dan kualiti. Begitu gembira perasaan kedua ibu bapa dan juga abangnya apabila perubahan sifat Suryati amat ketara semenjak dia menceritakan kisah seorang pemuda bernama Ali Bakhtiar pernah dimarahi dan pernah pula menolongnya, per-



jumpa apabila Suryati mengajaknya.

Di pejabat Suryati sedaya upaya menunjukkan muka manis kepada orang-orang bawahannya dan kadangkala membantu jika ada kesulitan yang dihadapi orang-orang sebagai menepis kenangan terhadap Ali Bakhtiar begitu juga apabila dia berada di rumah.

Dicubanya menghiasi jambangan bunga di sekeliling halaman namun di kamar fikiran tetap menepa membuat dia termenung seorag diri. Ibunya dapat merasakan tentang perubahan anaknya pernah juga dia bertanya tentang masalah apakah yang sedang Suryati hadapi, tapi jawabannya, "Tak ada apa-apa emak."

Suatu hari salah seorang kawannya datang berkunjung untuk temui Suryati, ketika kedatangannya kebetulan Suryati sedang sakit di dalam kamarnya. Ibu Suryati mengambil kesempatan berbual-bual dan bertanya hal anaknya mungkin dia tau akan rahsia anaknya yang sebenar.

"Iyalah mulanya makcik merasa senang hati apabila kelakuannya dulu tu dah berubah menjadi seorang yang suka bergaul dan cepat mesra pada sesiapa tapi kini hati makcik kembali risau. Makan tak mau, balik dari kerja terus berkurung dalam kamar hingga berjam-jam lamanya. Apa Lina tau sebab-sebab dia jadi begitu? ... Lagipun Lina kawannya yang paling rapat mungkin dia pernah menceritakan tentang rahsianya. Sekarang dah

tiga hari dia diserang penyakit demam panas, batuk dan selesema. Baik juga dia dapat cuti dua minggu ... Makcik risaulah."

Lina mendengar segala keterangan dari ibu Suryati dengan rasa kasihan dan dapat merasakan kesusahan hati ibu Suryati lalu Lina menerangkan, "Makcik sebenarnya Lina datang ni ialah untuk bertemu dengan Suryati kerana dah tiga hari kami tak berjumpa, Lina pun ada mendengar yang Suryati minta cuti, Lina rasa sunyi ketiadaannya dan tentang pertanyaan makcik tu biar Lina menerangkan kedudukan perkara yang sebenar Suryati telah menceritakan semenjak perkenalan dengan seorang lelaki yang bernama Ali Bakhtiar bermula dari kedai buku sehinggalah kerosakan keretanya dan perjumpaan-perjumpaan mereka dulu, hati Suryati telah terpaud padanya."

Untuk pengetahuan makcik, Ali Bakhtiar adalah seorang pemuda yang baik budi bahasanya, setahu Lina dia tak pernah berkawan rapat dengan sebarang perempuan melainkan kawan biasa saja, sebab kamu berdua sudah seperti adik-beradik dari kecil. Apatah lagi rumahnya tidak berjauhan dengan rumah Lina. Dulu dia pernah menyatakan yang Suryati ingin hendak dijadikan isteri, tapi apabila dia teringatkan yang Suryati lebih mengutamakan kebendaan, hati pun menjadi tawar. Dia takut suatu

Lihat muka 14

KALAU dulu dia memandang teman-temannya memakai pakaian murahan pastinya dijeling seakan memperli tapi sekarang kerap kali dipakainya. Dia tak terpengaruh lagi dengan pakaian berharga melebihi seratus lima puluh ringgit sehelai, konon menjaga imej dan kualiti.

PUISI PUISI PUISI PUISI

SAAT DIPUTERAKAN

Puji usia
hari bahagia
cemerlang mulia.

Rajaku
baginda raja kami
salam dirgahayu menjunjung sembah
aman bahagia kekal karar
makmur adil bijak candang.

Sultanku
sultan kami
hari ini ulang tahun Duli Tuanku
sembah patik meletak bisawab
semoga baginda karar di takhta
di bawah payung mahkota ratu
tunggul rupawan wajah berseri
maju bangsa sejahtera negara.

Rajaku, raja kami
semua bangsa cinta bersatu
tempat bernaung senang bahagia
pemimpin terbilang di mata dunia
dalam nussak ajaran hidup
menuju makrifat
pelindung nusa
mahkota perwira.

Sultanku
sultan kami
ialah yang agung
ialah kepala watan darussalam
ialah pemimpin
ialah cinta mengasihani jelata
kesejahteraan ubat segala kebajikan
keharmonian ikat perpaduan
di bumi darussalam
berkat kediaman semayam
Nurul Iman
sejati.

Warisan bangsa
sejahteralah negara
doa menebar puja usia
puja satu hanya untukmu baginda
Tuhan berserta engkau
hingga akhir zaman.

Rajaku
raja kami
biar mengabadi sebutan patik
rasa aman di dalam jiwa
syukur kami sepanjang musim
mendoa walafiat
sihat selalu.

Bagindaku
baginda kami
hanya tahfifah patik bisikkan
sekadar syair di angin lalu
hari ulang tahun puja tuanku
yang gemilang
yang bahagia
bersama kulawangsa baginda
rakyat jelata
dan pesisirnya
amin!

Adi Misere.

PANTUN

(Sempena Hari Keputeraan baginda ke-54)

Indah terperi Istana Nurul Iman
tersergam menara di bumi darussalam
Sultan Brunei kedua puluh sembilan
merintah negara aman tenteram.

Payung mahkota tampuk negara
hamba bernaung hujan suria
sayang raja pembulat lara
rakyat menjunjung taat setia.

Alangkah subur bumimu tuan
terhias indah bunga kasturi
hamba bersyukur pada-Mu, Tuhan
kasih dicurah raja bistari.

Salam bermesra bergurur senda
bersimpul ikrar setia bakti
selamat puja usia baginda
kekal karar naungan Ilahi.

A.R. Romzi.

DARI MUKA 13

masa nanti tak dapat menurut
segala kehendak Suryati, pun
demikian dia tetap memuja Suryati
hingga kini walaupun dia kerap kali
mengelakkan diri dari bertemu."

Lalu ibu Suryati bertanya,
"Tidaklah Ali Bakhtiar tau akan
perubahan Suryati sekarang?"

"Bolehkah Lina bertanya sedi-
kit pada makcik?" Dengan cepat
ibu Suryati menjawab, "Mengapa
pula tak boleh, apa dia?" "Sudikah
kiranya makcik dan pakcik mene-
rima Ali Bakhtiar jika sekiranya dia
melamar Suryati nanti?"

Apabila mendengar soalan itu
ibu Suryati senyum gembira lantas
menjawab, "Mengapa pula tak di-
terima, bukannya makcik yang nak
kahwin, lagipun makcik bukanlah
gila harta sangat, apa Lina ingat
orang yang terlalu banyak harta hati
mereka senangkah?"

"Begini, kalau makcik benar-
benar sayangkan Suryati dan mau
menerima Ali Bakhtiar menjadi
menantu ... apa kiranya Lina men-
beri cadangan agar Ali Bakhtiar
benar-benar memahami akan pe-
rasaan Suryati dan makcik seke-
luarga, biar dia tau akan kedudukan
yang sebenarnya."

"Jadi apakah cadangan yang
nak Lina buat?"

"Kalau boleh besok hari Sabtu,
lebih kurang jam lapan setengah
pagi, cuba makcik menelefon Ali
Bakhtiar di pejabatnya, kemudian
makcik beritahu yang ketika ini
Suryati sedang sakit dan benar-
benar ingin berjumpa dengannya.
Lina tau Ali Bakhtiar pastinya akan
terperanjat. Jikapun dia mau ke
mari mungkin Lina yang akan
dibawanya bersama tapi ... bagaima-
na pula dengan pakcik dan
Anuar?"

"Tentang mereka tu tak usahlah
dibimbangkan. Pandailah makcik
menerangkan pada mereka nanti,"
jelas ibu Suryati yang nampaknya
beria-ia hendak menghubungi Ali
Bakhtiar demi kebaikan anak
perempuannya yang hanya seorang
saja.

Suasana di pagi Sabtu dalam
pejabat Ali Bakhtiar seperti biasa
aja. Ali Bakhtiar yang sudah pun
memulakan tugasnya segera men-
jawab telefon yang berdering-de-
ring beberapa kali di atas mejanya.

"Hello!!! ... Waalaikumus-
salam, Ya ... Ya Ali Bakhtiar cakap
... siapa? ... Ibunya Suryati? ...
Apahalnya makcik ... datang ke
rumah ... Tiak bbboleh eeee
...Bbboleh ... bbaiklah mmmak-
cik ... Ya ... Ya ... jam lapan
malam ini. Waalaikumussalam." Keringat dingin mengalir dari bulu-
bulu roma dahi Ali Bakhtiar dan
perasaannya bergolak-golak men-
debar jiwa, fikirannya bercelaru.

Malam tiada berbintang, kota-
kota awan hitam menghiasi langit
sebagai tanda hari hendak hujan.
Tiupan angin sejuk meresap, di
perkarangan rumah dua tingkat ke-
punyaan keluarga Suryati dihiasi
tumpukan bunga berbagai-bagai
warna, halamannya bersih bertam-
bah cantik dari sinaran lampu-
lampu cucuk buat menerangi kein-
dahan keliling pagar-pagar batu
yang bersusun seperti ular dipalu.

Sebuah kereta jenis Toyota ber-
warna merah perlahan memasuki
kawasan halaman Suryati dan ber-
henti apabila saja sampai diletak
kereta sama bersusun dengan kereta
yang tersedia di situ. "Lin awaklah
dulu, nanti Tiar ikut dari belan-
gang," suara Ali Bakhtiar me-
nyuruh Lina pergi dulu, namun
Lina pura-pura tak mahu konon dia
juga takut.

"Pergilah dulu Lin ... Ahh tuu
ibunya sudah pun membuka pintu
... pergilah!!!"

Tiba-tiba ibu Suryati kian
mendekati mereka sedang suami-
nya berdiri di ambang pintu.

"Silakanlah masuk ke rumah,"

ibu Suryati mempelawa mereka
berdua.

"Terima kasih makcik," jawab
Lina pura-pura tidak mengenali se-
dang mata kanannya dikenyal sedi-
kit. Lalu mereka berjalan menuju
pintu, "Assalamualaikum pakcik,"
suara Ali Bakhtiar gugup disengar.

"Waalaikumussalam, silakan
masuk nak," jawab ayah Suryati,
Anuar yang leka menghadapi tele-
visyen lantas berdiri dan turut me-
nyambut kedatangan tetamu, "Silan-
kan duduk," pelawa Anuar.

"Terima kasih," jawab mereka
berdua. Ibu Suryati yang terus ke
dapur tadi telah pun tiba membawa
minuman dan menghidangkan.

"Minum-minumlah nak," pe-
lawu ibu Suryati lalu minta diri
pergi ke kamar Suryati.

"Surya!!! ... Bangun nak,
kawanmu Lina datang untuk men-
jumpaimu, bangun nak," ibunya
membelai penuh kasih sayang de-
ngan suara perlahan, sedang Suryati
di pembaringan tiada bermaya
untuk bergerak. Mukanya pucat dan
susuk badannya kian merosot
kurus. Perlahan-lahan membuka
matanya dengan pandangan kabur,
"Surya ... janganlah kau terlalu
memikirkan perkara yang merosak-
kan kehidupanmu nak. Emak juga
tak tahan melihat penderitaan yang
kaualami selama ini, kasihanilah
emak nak."

Demikian halus pujukan ibunya
yang sentiasa mengharapkan
kesembuhan penyakit anaknya.

"Emak ... suruh saja dia masuk
ke mari," Balas Suryati dengan
suara lemah. Bahang panas yang
bersarang dalam tubuh Suryati
dapat dirasakan apabila tangan ib-
unya menjamah ke dada dan leher
Suryati. Kemudian ibunya terus
keluar dari kamar, Suryati terus
menutup mukanya dengan sebihi
bantal.

"Lin!!! ... Bawalah Ali
Bakhtiar itu ke dalam kamarnya
Suryati, dia tak boleh bangun,
badannya panas benar," seru ibu
Suryati.

"Baiklah makcik. Tiar mari kita
tengok Suryati di kamarnya," balas
Lina. Mereka terus berdiri dan
menuju ke kamar Suryati setelah
meminta keizinan dari ayah Suryati
dengan ditinggi ibu Suryati.

"Pergilah nak, tengok-tengok-
lah Suryati tu," cela ayah Suryati.

"Suryati!!!! ... Surya, bukalah
matamu, ini aku ... Lina," seru Lina
setelah bantal yang menutupi muka
Suryati dipindahkannya, kemudian
Suryati dipapah bersama ibu
Suryati bangun dan duduk di tepi
katil pembaringan, mata Suryati
kuyu dengan pandangan kabur. Dia
meletakkan pipinya di bahu kanan
sambil kedua-dua tangannya ber-
paut ke leher Lina.

Ali Bakhtiar terpaku berdiri
merenung wajah kekasihnya yang
sudah jauh berubah dari pertemu-
an-pertemuan yang lalu. Hatinya men-
jadi sayu, sedih dan kasihan apabila
melihat perwatakan Suryati yang
selama ini masih dianggapnya se-
orang perempuan yang sombong,
gila pangkat dan harta, kini setelah
dia sendiri menyaksikan segala
kejadian betapa berat penderitaan
yang ditanggung oleh kekasihnya.

Seorang gadis yang dipuja
dalam lamonan angan-angan se-
lama ini amat terasa olehnya akan
kesalahan dirinya menyangka yang
bukan-bukan. Sekarang terasa ke-
insafan dalam lubuk jiwanya buat
mengembalikan kekuatan semangat
Suryati terus hidup berpanjangan.

"Suryati!!!! ... Lina datang ni
adalah untuk menyembuhkan se-
gala penyakit yang selama ini kau
hadapi. Di hadapanmu ialah se-
orang doktor yang Lina percaya
boleh mengubatnya ... Surya, buka-
lah matamu bukalah."

Rayu Lina pada Suryati yang
masih mendakup di bahunya de-
ngan mata tertutup, perlahan-lahan
mata Suryati terbuka memandang

orang yang sedang berdiri di badap-
annya. Lama juga dia merenung
rant wajah Ali Bakhtiar yang masih
bercegat berdiri.

Beberapa saat kemudian pan-
dangannya kian nyata, rasanya run-
tuhi segala gunung-gunung dalam
dataran hati Suryati apabila terpan-
dang jelas bahawa di hadapannya
ialah seorang jejaka yang mem-
egang nasib hidup. Dengan sebak
mendadak dia bersuara, "Selama ini
aku telah berusaha mengikis pe-
rasaanku terhadapmu dan meng-
imbaskan segala kenangan yang
pernah kita lalui. Sudah berapa
banyak air mata Su mengalir buat
menyuci duka, namun segala usaha
itu bukan pula semakin sirna malah
lambuan wawarna maut kian
membayang ingin menjemput Su ...
Su pasrah ... hanya menanti rahim
Ilahi," gelombang dada Suryati kian
bergelora.

"Su tahu Tiar ingin melihat Su
berbahagia, dan kebahagiaan itu
telah pun Su rasakan sekarang ini
dalam bayangan wawarna maut di-
sirami keharuman setinggi sebagai
pengiring buat Su."

Suryati tak larat untuk menerus-
kan kata-katanya bagi melepaskan
perasaan yang selama ini diperam.
Mukanya kembali dilekapi ke ba-
hu Lina dengan esakan tangis
berjauh hati.

"Maafkan Tiar ... Surya, Tiar
tak menyangka segalanya akan jadi
begini. Tiar tak berniat langsung
untuk membunuh segala pen-
gharapan suci Surya itu. Tiarlah dulu
merasakan segala apa yang Surya
rasakan di saat ini, memusnahkan
segala pengharapan Surya bererti
Tiarlah yang akan mendapat kema-
tiannya. Tiar juga tak dapat men-
gecap kebahagiaan hidup tanpa
sinaran asmara dari Surya ... per-
cayalah Suryatiku," sambil tangan
kirinya memegang jejari sementara
tangan kanannya membelai rambut
Suryati.

Lina yang sudah lama tunduk
rupanya sama-sama menitikkan air
mata mendengarkan ungkapan kata-
kata di antara mereka berdua. Ibu
Suryati yang sedari tadi duduk ber-
timpuh di ambang pintu cuba me-
ngalihkan pandangannya ke sudut
lain walaupun segalanya jelas di-
dengar. Tiba-tiba Lina mendongak-
kan kepalanya dengan sisa-sisa air
mata sambil berkata, "Sudahlah
Suryati ... senangkanlah hatimu
sekarang. Segala kekusutan dan
kecurigaan kamu berdua telah sam-
pai di penghujungnya dan untuk
pengetahuan kamu berdua ...
Janganlah kamu marah dan terpe-
ranjat. Untukmu Suryati, Ali
Bakhtiar adalah sepupu sekaligus
dan pernah menyatakan bahawa dia
ada menyintai dan memuja seorang
gadis. Gadis yang bernama Suryati
dan bagimu Ali Bakhtiar, Suryati
adalah sahabat karib dan sepejabat
pula denganku ... Suryati telah
mengisahkan dia telah terpicat de-
ngan budi bahasa dari seorang je-
jaka sederhana, jejaka yang telah me-
nyuluh kegelapan hatinya. Dialah
yang bernama Ali Bakhtiar."

Apabila saja penjelasan dari
Lina mereka dengari lalu Lina me-
ngaduh kesakitan akibat cubitan di
perut oleh Suryati menjadikan isi
kamar menjadi gempita hilai ki-
taw mereka bertiga menyebabkan
ayah dan abang Suryati bergegas-
gegas berlari menuju ke kamar
Suryati kerana terperanjat.

Mereka dua beranak berpanda-
ngan kehairanan, ibunya pula ter-
senyum girang dengan lelehan air
mata apabila melihat gelagat anak-
nya seolah-olah tiada berpenyakit
dan terus menyampuk, "Itulah nak,
lain kali kamu berdua ni jika
merasakan sesuatu yang pahit ja-
nganlah terus dibuang!!!" Mereka
berempuk terus ketawa bergembira
walaupun ayah dan abang Suryati
terpinga-pinga.



سنتياش برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 19 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR: HISTERIA/ SWAT KATS RADICAL SQUADRON
5.00	JUARA - Siaran Langsung
5.45	BERITA RINGKAS
5.55	BIMBINGAN MUKMIN
6.10	RAKSI MO MO
6.40	AZAN MAGHRIB
6.45	AL-QURAN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	FLORIST JEJARI HIJAU
7.53	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	TEKAD
9.00	FORUM APEC 2000 - 'Young Entrepreneurs Televised Town Hall'
10.00	NEWS AT 10
10.30	THE PRACTICE - 'End Games'
11.15	LIVING CAPTIVITY - 'Joel Is My Shepherd'
11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 20 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR: ONCE UPON A TIME: THE EXPLORERS/BATMAN OF THE FUTURE
5.15	WATERWAYS - 'The Brahmaputra'
5.45	BERITA
5.55	BIMBINGAN MUKMIN
6.10	AT TAZKIR - Ulangan

6.40	AZAN MAGHRIB
6.45	AL-QURAN

MALAM

7.00	SURAH YAASIIN
7.25	GEMA ISLAM
7.52	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	AN-NUUR- Siaran Langsung
9.45	DRAMA: PERTENTANGAN
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA - Sambungan
10.45	WAYANG PILIHAN - 'Forever Love'
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 21 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	SESAME STREET
11.15	TRAP TRIP
11.30	BERITA
11.40	JEJAK RASUL - Siri 4 (Ulangan)
12.15	DISCOVER ISLAM: 'Dr. Zakir Naik'
12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	GEMA ISLAM - Ulangan
2.00	SUKAN ANTARABANGSA
2.30	DINA-MIK - Siaran Langsung
3.00	FORUM SEMPENA 25 TAHUN TELEVISYEN BRUNEI
3.52	AZAN ASAR
3.57	FORUM SEMPENA 25 TAHUN TELEVISYEN BRUNEI - Sambungan
4.30	ANIMATION HOUR: SHADOW RAIDERS/ MISTER SIMON AND JIGGY JIGGY
5.15	ASBABUN NUZUL
5.45	BERITA RINGKAS
5.55	BIMBINGAN MUKMIN
6.15	SUZUKI NATURE QUEST
6.40	AZAN MAGHRIB
6.45	AL-QURAN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	SECANGKIR KOPI
7.52	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	KHUTBAH JUMAAT
9.00	DRAMA RTB: KELUARGA LIAU BUDIN
9.30	FIT FOR THE WILD ADAPTED TO AFRICA - Siri baru

10.00	NEWS AT 10
10.30	TELEDRAMA
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 22 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.10	ANIMATION HOUR: POWER PUFF GIRLS/ED, MIKE, LU & OG
10.55	WILD ABOUTS ANIMALS
11.20	RITMA - Ulangan
11.30	BERITA
11.40	RITMA - Sambungan
12.00	CYBERNET
12.28	AZAN ZUHUR
12.35	DOKUMENTARI TEMPATAN: KESIHATAN UNTUK SEMUA - 'Cara Hidup Sihat'

PETANG

1.10	PANGGUNG PETANG SABTU - 'The Circle Game'
2.40	FOKUS: KAMPONG KITA
3.10	NIGHTMAN - 'Chrome'
3.51	AZAN ASAR
4.00	E.S.P.U
4.25	ANIMATION HOUR: SABER RIDER & THE STAR
5.15	SHERIFF/JOHNY BRAVO
5.45	GERAK BIJAK - Siri Baru
5.55	BERITA RINGKAS
6.15	BIMBINGAN MUKMIN
6.40	DRAMA RTB: KELUARGA LIAU BUDIN - Ulangan
6.45	AZAN MAGHRIB
6.45	AL-QURAN

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.25	ARCHITECTURE
7.52	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	VARIASENI
9.45	TAYANGAN GAMBAR - 'Unweb Father'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 23 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan

10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	SESAME STREET
11.10	FUN TIME
11.30	BERITA
11.40	SUNDAY MATINEE - 'The Treasure Island'
12.28	AZAN ZUHUR
12.33	SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG

1.30	BIG STUFF - 'Air' (siri baru)
2.30	SI MANIS 17 - Siaran Langsung
3.00	PERTUKARAN RANCANGAN MOU RTB/ STV12 - 'Citra Keluarga'
3.30	RAILWAY ADVENTURES ACROSS EUROPE
3.52	AZAN ASAR
4.00	4th BRUNEI DARUSSALAM DEBATING COMPETITION
5.00	OLE OLE - Siaran Langsung
5.45	BERITA RINGKAS
5.55	BIMBINGAN MUKMIN
6.10	MARI BELAJAR MENGAJI
6.40	AZAN MAGHRIB
6.45	AL-QURAN

MALAM

7.00	SEJUTA MAKNA
7.53	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	TIRAI KELUARGA
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
10.45	LIGA PERDANA MALAYSIA 2000 - 'Brunei Darussalam Iwn Selangor'
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 24 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR: New Adventures Of Flash Gordon/Tombik and B.B
5.00	MEKAR (Ulangan)
5.15	ASIAN WEDDINGS - 'East Punjab' - Ulangan
5.45	BERITA
5.55	BIMBINGAN MUKMIN
6.15	ASBABUN NUZUL - Ulangan
6.40	AZAN MAGHRIB

6.45	AL-QURAN
------	----------

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	MEDICAL DETECTIVES - 'The Tell Tale Fibres'
7.52	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	TEKAD - Ulangan
9.00	DRAMA CO PRODUCTION: 'Manja-Manja Piabong'
9.30	THE LIGHTER SIDE OF SPORTS - Siri baru
10.00	NEWS AT 10
10.30	THE LIGHTER SIDE OF SPORTS - Sambungan
10.45	SUPER STRUCTURES - 'Space Station'
11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 25 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR: DETENSION/ANIMAL CRACKERS
5.00	MOVIES, GAMES AND VIDEOS
5.30	AT TAZKIR
5.45	BERITA
5.55	AT TAKZIR - Sambungan
6.10	BIMBINGAN MUKMIN
6.20	DRAMA CO PRODUCTION MEGA-MEGA HITAM - Ulangan
6.40	AZAN MAGHRIB
6.45	AL-QURAN

MALAM

7.00	OUTWARDS BOUND - 'Hard Rock Cafe'
7.25	DOKUMENTARI: KESIHATAN UNTUK SEMUA - 'Kencing Manis'
7.52	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	FOKUS: TINJAUAN
9.15	THE X FILES - 'Thief'
10.00	NEWS AT 10
10.30	THE X-FILES - Sambungan
11.15	SOLDIER OF FORTUNE - 'For Love Of Money'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SUKAN ... SUKAN ... SUKAN ... SUKAN ...

ATUDB tundukkan ATPBDB 4-1

Oleh
Haji Ahat HI

ANGKATAN Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) berjaya menjuarai Kejohanan Hoki Peringkat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) setelah menundukkan juara bertahan Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) 4-1 dalam perlawanan akhir di Stadium Hoki Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

ATUDB yang mempamerkan permainan cemerlang sebaik permainan bermula mendahului ATPB 3-0 melalui jaringan S/Sjn. Suhaili Anggas dan dua jaringan diperolehi melalui S/Sjn. Ejol Yussof.

Bagaimanapun pada minit terakhir permainan separuh masa pertama hendak ditamatkan, ATPBDB berjaya merapatkan jurang kepada 3-1 melalui pukulan penalti yang dilakukan oleh S/Sjn Junaidi Yahya.

Selepas ketinggalan 3-1 di separuh masa pertama, ATPBDB kemudian lebih pantas dengan melakukan serangan-serangan bertali arus, namun kecemerlangan penjaga gol ATUDB, PWI Pengiran Haji Abu Bakar Pengiran Haji Apang yang bermain cemerlang berjaya menggagalkan kesemua percubaan ATPBDB.

Meskipun tertekan dengan arus serangan yang bertalu-talu itu, ATUDB berjaya menambatkan jaringan keempat menjadikan kedudukan 4-1 melalui PW2 Ali Haji Adam.

Kejohanan tahunan antara angkatan-angkatan tentera ABDB itu bertujuan untuk meningkatkan mutu permainan sukan hoki di kalangan ABDB selain memupuk persahabatan dan silaturrahim antara ABDB.



KAMI JUARA ... Barisan pemain ATUDB muncul sebagai juara hoki peringkat ABDB selepas menewaskan ATPBDB 4-1 dalam perlawanan akhir di Stadium Hoki. - Gambar oleh Pg. Rafoe PDPHM.

SKUAD NEGARA GAGAL MANFAATKAN KESEMPATAN

CORAK permainan yang baik dan kemas belum dapat menjamin kemenangan sebuah pasukan, itulah natijah yang dapat diungkapkan kepada skuad negara yang kumpunan untuk mencatatkan kemenangan ketiga apabila mereka hanya mampu seri 2-2 dengan Perlis di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Dalam pertemuan itu, Perlis yang sudah ketinggalan 2-0 hasil jaringan sepakan bebas ketua pasukan, Awangku Sallehuddin Pengiran Haji Damit dan rembatan jarak dekat Abang Norsilmy Abang Haji Taha di separuh pertama, berjaya bangkit di perlawanan separuh masa kedua dengan memanfaatkan masa 15 terakhir permainan, memperoleh dua jaringan bagi menjadikan kedudukan terikat seri.

Pasukan pelawat yang nyata tertekan di separuh masa pertama dan awal permainan separuh masa kedua berjaya mengesan kelemahan tuan rumah dengan menggerakkan bahagian tengah melalui Yogeswaran Veeramalai, Somchat Na Rong dan Rozmin Musa manakala, Paidiya Rau Subramaniam bersama Shanmugam Govindasamy mengempur di bahagian serangan.

Keadaan itu memaksa tuan rumah mengamalkan corak bertahan dan kesempatan itu membuka ruang kepada barisan Perlis melancarkan serangan habis-habisan yang membawa tuah kepada Shanmugam Govindasamy merapatkan jurang 2-1 melalui rembatan tepi.

Barisan pelawat terus menentang pertahanan tuan rumah sehingga tumpuan banyak beralih dengan bertahan yang kemudiannya Perlis berjaya menyamakan kedudukan 2-2 pada minit terakhir apabila Mohd. Farouk Ismail menanduk bola masuk dari sepakan sudut.

Jaringan penyamaan itu menamatkan hasrat tuan rumah untuk mencatatkan kemenangan ketiga sekalipun bayangan impian kemenangan hampir menjelang selepas mendahului dengan selesa.

Secandainya empat percubaan terbuka tuan rumah pada masa 20 minit perlawanan separuh ma-

Oleh
Haji Ahat HI

sa pertama itu menepati sasaran, tentunya kemenangan akan memihak kepada tuan rumah.

Tuan rumah yang memulakan permainan memberangsangkan hampir pasti memperoleh jaringan pertama awal minit kedua apabila tandukan Riwardi Wahit terasar, dan selepas itu pula disusuli dengan rembatan Rosli Haji Liman mengenai tiang gol dan kemudian Abang Norsilmy dan Riwardi masing-masing juga terlepas peluang.

Begitupun peluang untuk memperbaiki kedudukan masih terbuka apabila dua lagi perlawanan di tempat sendiri menentang Selangor 22 Julai dan Pulau Pinang 29 Julai, manakala perlawanan di luar negeri pula menentang Pahang 18 Julai dan Terengganu 25 Julai.



TERHALANG ... Riwardi Wahit hampir terjatuh selepas melakukan rembatan dekat pintu gol Perlis yang berkesudahan seri 2-2. - Gambar oleh Haji Masmah HMA.

Pasukan Lawan Pedang capai gangsa

Oleh
Haji Ahat HI

PASUKAN Lawan Pedang Negara Brunei Darussalam berjaya memenangi dua pingat gangsa acara epee dan sabre berpasukan di Kejohanan Lawan Pedang Terbuka Malaysia 2000 di Dewan Institut Sukan Negara Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Pingat gangsa acara berpasukan epee diraih melalui trio Ak. Haji Yura Saiful Bahrin bin Pg. Haji Yura Laila, Haji Kassim bin Bakar dan Haji Kamarulzaman bin Haji Md. Salleh manakala pingat gangsa sabre diraih melalui trio Haji Zainoren bin Haji Md. Yusof, Pg. Khalidshah bin Dato Paduka Haji Kamaluddin dan Jefri Sahta bin Haji Mohd. Tamin.

Malaysia 'A' dan Malaysia 'B' memenangi kedua-dua pingat emas dan perak dalam bahagian masing-masing. Turut menyertai kejohanan dari 24 hingga 26 Jun lalu itu ialah Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura selaku negara jemputan dan Malaysia diwakili oleh Melaka, Sabah, Wilayah Persekutuan dan Selangor.


Pada penyertaan ini Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad telah memperlihatkan mutu permainan yang baik dan hanya tewas dalam kedudukan tipis, sementara bagi acara foil berpasukan, skuad tersebut hanya menduduki tangga kelima.

Pada kejohanan seterusnya Persatuan Lawan Pedang Negara Brunei Darussalam dijangka akan menyertai kejohanan ke-9 bagi Terbuka Thailand di Bangkok 27 Julai hingga 3 Ogos depan.



GANGSA ... Kelihatan pasukan epee, Ak. Haji Yura Saiful Bahrin, Haji Kassim dan Haji Kamarulzaman memenangi acara epee, sementara trio Haji Zainoren, Pengiran Khalidshah dan Jefri Sahta memenangi pingat gangsa sabre.





inda ketika
istiadat
ngurniakan
saran di

bar

ar

n



MENGAMINKAN DOA ... Baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri semasa mengaminkan doa bagi memberkati lagi Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran sempena Hari Keputeraan baginda ke-54 tahun (atas).

BAGINDA ketika berkenan mengurniakan Darjah Seri Ugama Islam Negera Brunel Yang Amat Bersinar Darjah Kedua (D.S.S.U.B) kepada Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Kassim (kiri sekali).

BAGINDA berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunel Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B) kepada Duta Besar Negara Brunel Darussalam ke Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Awang Mahadi (kiri); Timbalan Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Abdul Rahman (bawah kiri) dan kepada Pengarah Pentadbiran, Jebatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Ahmad Bukhari (bawah).

KEBAWAH DYMM ketika berkenan mengurniakan Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K) kepada Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Talal (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Talal; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Padzilah Lubabul Bolkiah semasa berangkat di Istiadat berkenaan (bawah).

lla Paduka
Mahkota
Muhtadee
amat Mulia
n Perdana
Wel-Waqar
ad Bolkiah
Pengiran
nak Hajjah
nat Mulia
giran Muda
g Teramat
giran Anak
kallah Haya-
amat Mulia
Anak Puteri
ul Bolkiah
mat Mulia
e Countess
ng Teramat
Schonburg,
berangkat
kanan).



Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Istiadat Perbarisan Kehormatan mulakan perayaan

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Negara Brunei Darussalam hari ini meraikan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun.

Seperti lazimnya sambutan Hari Keputeraan dimulakan dengan Istiadat Perbarisan Kehormatan yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Sejurus keberangkatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan menerima tabik hormat diraja diiringi dengan 21 das tembakan meriam.

Berangkat sama ke istiadat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Di istiadat ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan berangkat memeriksa barisan kawalan kehormatan di bawah pemerintahan perbarisan, Leftenan Kolonel Haji Abdul Rahman bin Dato Paduka Haji Basir.

Barisan kawalan kehormatan dianggotai oleh empat buah pasukan terdiri dari Batalion Kedua Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Satelah itu, dengan menaiki kenderaan khas, baginda seterusnya berkenan memeriksa anggota pertubuhan awam yang menyertai istiadat ini.

Istiadat seterusnya diteruskan dengan perbarisan berjalan lalu dari pasukan-pasukan barisan kawalan kehormatan dalam gerak perlahan dan cepat dengan melintasi pentas khas diraja dengan iringan muzik dari gabungan pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Perbarisan juga disertai dengan Panji-panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Tiga kali daulat dilaungkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Istiadat diakhiri dengan acara terbang lalu dari pesawat udara Angkatan Tentera Udara Diraja

Brunei yang mengeluarkan asap berwarna-warni.

Istiadat turut dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet, ahli-ahli majlis-majlis mesyuarat, timbalan-timbalan menteri, pengiran-pengiran peranakan, pehin-pehin manteri dan manteri-manteri pedalaman.

Selain itu para duta dan pesuruhjaya tinggi luar negeri ke Negara Brunei Darussalam dan tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga turut menghadiri acara yang beristiadat ini.

Dengan sempurnanya istiadat pagi ini, maka bermulalah sambutan perayaan bagi Hari Keputeraan baginda ke-54 tahun di Daerah Brunei dan Muara yang mana berbagai-bagai acara keraian, kebudayaan, keagamaan, kemasyarakatan dan sukan telah disusun bagi memeriahkan sambutan di daerah ini termasuk acara-acara pentas.

**DIRGAHAYU
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK**

**Laporan
Siti Muslihat HS
Gambar-gambar
oleh jurugambar
Jabatan Penerangan**



TETAMU-TETAMU khas dari luar negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa menghadiri Istiadat Perbarisan Kehormatan, di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin (atas) dan sebahagian lagi cheteria-cheteria (bawah).



RETO KUSTER..... "Keamanan dan keharmonian penduduknya membuat negara ini jadi pilihan pelancong."

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kemeriahkan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bukan hanya dapat dirasakan oleh rakyat dan penduduk di negara ini, malah pengunjung-pengunjung dari negara luar.

Beberapa pelancong asing yang ditemu bual oleh PELITA BRUNEI, kagum apabila berkesempatan menyaksikan Istiadat Perbarisan Kehormatan sempena sambutan Hari Keputeraan baginda ke-54 tahun di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin hari ini.

"Istiadat ini sungguh menarik, lebih-lebih lagi kelihatan pembesar-pembesar negara dan para jempitan memakai pakaian tradisional, semestinya mengikut adat istiadat diraja di sini," jelas Roslan Abdul Rahman yang berasal dari Republik Singapura.

Roslan yang berada di negara ini untuk membuat liputan sempena Hari Keputeraan baginda turut mengagumi keindahan Istana Nurul Iman dan juga negara ini yang terus mengekalkan sistem pemerintahan beraja.

Pelancong luar kagum perayaan keputeraan

Laporan Bolhasan HAB

"Saya ditugaskan membuat liputan sebegini sejak tiga tahun yang lepas, dan telah berpeluang masuk ke Istana Nurul Iman bagi Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran," tambah beliau yang bertugas sebagai jurugambar bagi salah sebuah agensi media antarabangsa.

Sementara itu, Koraiza binti Safwan dari Kuching, Sarawak telah terpegun dengan keunikan budaya Brunei dengan berkata, "Negara ini penuh dengan budaya yang tiada tandingannya. Masing-masing berpakaian tradisi masyarakat Melayu yang unik yang berwarna-warni."

Beliau yang sampai di negara ini sejak dua hari yang lalu, melahirkan rasa gembira apabila berpeluang menyaksikan upacara bersejarah yang gilang-gemilang itu.

Koraiza menambah, "Insya-Allah jika ada peluang di masa-masa yang akan datang, pasti saya ke

negara yang mempunyai penduduknya yang ramah-tamah dan bersopan santun."

Manakala itu, seorang rakyat Switzerland yang juga berkesempatan menyaksikan istiadat penuh tradisi itu, menjelaskan bahawa upacara sedemikian tidak terdapat di negaranya.

"Upacara pada pagi ini sangat menarik, lebih-lebih lagi saya berpeluang menatap wajah seorang raja yang sangat dikasihi dan disanjung rakyat jelata di negara ini," ujar Reto Kuster.

Beliau berpendapat, keamanan, kesejahteraan dan keharmonian penduduknya membuatkan negara ini sering menjadi pilihan

para pelancong terutama dari negara-negara Eropah.

Selain itu, rakyat dan penduduk di negara ini khususnya mereka yang bermastautin di Daerah Brunei dan Muara juga tidak ketinggalan untuk menyaksikan upacara tersebut yang mana ada di antaranya tiba sejak awal-awal pagi lagi.

Dengan sempurnanya istiadat itu, menandakan bermulanya acara keraian sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



ROSLAN.... "Negara ini terus mengekalkan sistem pemerintahan beraja."



KORAIZA "Brunei penuh dengan budaya yang tiada tandingannya."

Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM

Istiadat Mengadap gilang-gemilang

DIRGAHAYU
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-54 tahun di Balai Singgahsana Istana Nurul Iman, hari ini.

Berangkat di istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Pa-

duka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Muta Wakilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Noor Ehsani dan kerabat-kerabat diraja yang lain serta tetamu-tetamu khas Ke-

bawah Duli Yang Maha Mulia dari negara-negara sahabat.

Pada istiadat itu, baginda telah berkenan bertitah yang disusuli dengan majlis penganugerahan kepada 29 penerima bintang-bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam.

Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam itu berakhir dengan bacaan doa selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Liputan Abdullah Asgar,
Haji Ahmad HS dan Samle HJ

29 orang dikurniakan bintang kebesaran

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan mengurniakan bintang-bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 29 orang sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-54 tahun di Balai Singgahsana Istana Nu-
Bwana, Istana Nurul Iman di sini.

Mendahului senarai penerima bintang-bintang kebesaran bagi Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K.) ialah Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Talal, puteri Jordan.

Dua orang menerima Bintang Kebesaran Darjah Paduka Kebesaran Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T.) yang membawa gelaran Dato Paduka Seri kepada Yang Terhormat Laksamana Tentera Nasional Indonesia Widodo AS dan Yang Dimuliakan Pehin Datu Padukaraja Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Awang Shari bin Ahmad, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Seorang menerima Bintang Kebesaran Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kedua (D.S.S.U.B.) yang membawa gelaran Dato Seri Setia kepada Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Kassim bin Haji Lamat.

Manakala tujuh orang menerima Bintang Kebesaran Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.) yang membawa gelaran Dato Paduka. Mereka ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Kula; Pengarah Radio dan Televisyen Brunei, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohamed; Pegawai Pentadbir Kanan Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Awang Mahadi bin Haji Wasli; Penolong Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan; Pegawai Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Murad bin Abang Ali dan Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dr. Hajjah Intan binti Haji Salleh.

Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B.) diterima oleh lima orang yang terdiri daripada Awang Haji Abdul Rahim bin Haji Gantang, Awang Haji Abdullah bin Mohd. Daud, Awang Haji Musa bin Haji Mantok, Dayang Hajjah Kasmah binti Haji Siput dan Dayang Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

Sementara itu 13 orang menerima Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B.) yang terdiri daripada Jurukur Agung, Pengiran Haji Metusin bin Pengiran Haji Matasan; Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail, Awang Haji Zaidin bin Haji Awang, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Laos, Tuan Yang Terutama Awang Zainidi bin Haji Sidup; Pengarah Tabung Amanah Pekerja, Awang Haji Metassan bin Momin; Awang Janin Erib, Awang Lim Jock Hoi, Awang Haji Mahmud bin Pengarah Digadong Haji Abu Bakar; Ketua Pos Agung, Awang Haji Saji bin Haji Mudin; Awang Haji Idris bin Haji Abas, Dayang Hajjah Intan binti Haji Mohd. Kassim, Yang Dimuliakan Pehin Manteri Bini Dayang Hajjah Aminah binti Haji. Mohd Yassin dan Dayang Hajjah Zaliha binti Haji Mohiddin.

Majlis Persantapan Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-54 Tahun.

Berangkat di istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Muta Wakilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah

Lubabul Bulqiah.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Noor Ehsani dan kerabat-kerabat diraja yang lain.

Juga berangkat dan hadir ialah tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari luar negara, Yang Amat Mulia Pe-

ngiran-Pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet, timbalan-timbalan menteri, pengiran-pengiran peranakan, pehin-pehin manteri, manteri-manteri pedalaman, setiausaha-setiausaha tetap dan ketua-ketua jabatan.

Awal dari itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima mengadap tetamu-tetamu negara di Balai Penghadapan.

Bagi memberkati majlis, doa selamat telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan pula menekan punat bagi menandakan bermulanya persembahan permainan bunga api yang menyeronokkan lagi Majlis Persantapan Negara, di Istana Nurul Iman, malam tadi.




SEBAHAGIAN lagi jempunan yang menghadiri Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman (atas dan bawah).



ISTIADAT PERBARISAN KEHORMATAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN

Gambar-gambar oleh jurugambar Jabatan Penerangan

KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Perbarisan Kehormatan telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia menaiki kenderaan khas bagi memeriksa perbarisan anggota pertubuhan swam yang beruniform, yang menyertai Istiadat Perbarisan Kehormatan (kanan). Sementara gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Boikiah ketika berangkat di Istiadat tersebut.



BARISAN kawalan kehormatan yang dianggotai oleh Batalion Kedua Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei (atas dan kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa perbarisan kehormatan yang terdiri dari Pasukan Polis Diraja Brunei (kiri). Sementara gambar atas kanan kegembiraan jelas terbayang di wajah baginda di Istiadat Perbarisan Kehormatan sempena dengan sambutan hari keputeraan baginda yang ke-54 tahun yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin, ibu negara.



DULI Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah berangkat tiba di Istiadat Perbarisan Kehormatan.



LAUNGAN tiga kali Daulat Kebawah Duli Tuan Patik dari pasukan yang menyertai perbarisan yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Haji Abdur Rahmani (atas). Sementara gambar atas kiri para penuntut mengibarkan bendera negara bagi mengalu-alukan keberangkatan Kebawah DYMM ke Istiadat Perbarisan Kehormatan dan gambar kiri acara terbang lalu pesawat udara ATUDB dengan mengeluarkan asap warna-warni menyertai lagi istiadat.

Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM



TETAMU LUAR ... Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kesihatan Awam Thailand, Tuan Yang Terutama Tuan Korn Dabbaransi dan Puan Rapepan Debaransi ketika menghadiri Istiadat Perbarisan Kehormatan.



MEMBERKATI ISTIADAT ... Doa selamat bagi memberkati Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran dibacakan oleh Mufti Kerajaan (atas).

SEBAHAGIAN jemputan yang menghadiri istiadat tersebut (kanan).

Tetamu khas KDYMM mengadap

**DIRGAHAYU
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK**

Liputan
Abdullah Asgar.
Gambar-gambar oleh
jurugambar
Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam hari ini berkenan menerima mengadap dan pesambah-pesambah secara berasingan tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke-54 tahun di Istana Nurul Iman.

Mula-mula Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima mengadap Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Talal dan Tuan Yang Terutama Al-Syed Walid Ismail Al-Kurdi dari Jordan.

Majlis kemudiannya diikuti dengan diterima mengadap Her Royal Highness Princess Irina Hesse, The Countess of Schonburg dan His Highness The Count of Schonburg, Berlin dari Jerman.

Tetamu khasnya seterusnya yang juga diperkenan mengadap ialah Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kesihatan Awam Thailand, Tuan Yang Terutama Tuan Korn Dabbaransi dan Puan Rapepan Dabbaransi.

Setelah itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang

Teramat Mulia Pengiran Isteri menerima mengadap Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Osu bin Haji Sukam dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Noreda Majjimp.

Kemudian diterima mengadap ialah Menteri Hal Ehwal Luar Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar dan Puan Jayakumar.

Juga diperkenan mengadap ialah Setiausaha Hal Ehwal Luar Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Tuan Domingo L. Siazon, Jr. dan Puan Kay I. Siazon.

Setelah itu diperkenan mengadap ialah Menteri Hal Ehwal Luar Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Alwi Shihab dan Yang Berbahagia Ashraf Shihab.

Juga mengadap ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin dan Puan Sri Datin Hajah Noorainee binti Haji Abdul Rahman; Panglima Angkatan Tentera Nasional Republik Indonesia, Yang Terhormat Laksamana Dato Paduka Seri Widodo AS dan Yang Berbahagia Datin Sri Murniati Widodo dan Lord Powell of Bayswater, KCMG dan Lady Carla Powell.

Tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini berada di negara ini sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Rakyat China ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Qu Wenming (kiri), dan Pesuruhjaya Tinggi Swaziland yang tidak menetap ke negara ini Tuan Yang Terutama Tuan Mabili David Dlamini (kanan). - Gambar oleh Amat HM.



TERNAKAN DI NEGARA INI BEBAS DARIPADA WABAK JE

BERAKAS. - Ekoran daripada berita yang disiarkan melalui akhbar Borneo Bulletin keluaran Isnin, 26 Jun, 2000 berhubung dengan wabak penyakit Japanese Encephalitis (JE) dan penyakit yang disebabkan oleh Virus Nipah yang melanda beberapa negeri di Malaysia maka Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan ini sukacita memaklumkan bahawa sehingga sekarang ternakan di negara ini adalah bebas daripada wabak penyakit Japanese Encephalitis (JE) dan penyakit yang disebabkan oleh Virus Nipah.

Jabatan ini juga sukacita memaklumkan bahawa penternakan ladang khinzir secara komersil di negara ini telah lama ditiadakan.

Walau macam manapun, sebagai langkah berjaga-jaga dan bagi mengelakkan merebaknya jangkitan penyakit ternakan Japanese Encephalitis (JE) dan penyakit yang disebabkan oleh Virus Nipah yang ketika ini melanda Semenanjung Malaysia dan Sarawak daripada merebak ke negara ini, Jabatan Pertanian dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkenaan telah mengambil langkah-langkah membekukan, sementara semua import daging khinzir (babi) beku dan segar serta produk proses daripadanya dari negara Malaysia kecuali Sabah.

Pembekuan sementara import daging khinzir beku dan segar serta produk proses daripadanya ini adalah berkuatkuasa serta merta sehingga di suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Seterusnya oleh kerana terdapat laporan bahawa penyakit ini juga boleh menjangkiti ternakan lain seperti lembu, kambing dan haiwan seperti kucing dan anjing, maka semua import bagi ternakan/haiwan hidup seperti lembu, kambing, kucing dan anjing dari Negara Malaysia kecuali Sabah adalah juga dibekukan buat sementara waktu sehingga di suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Walau macam manapun, import haiwan hidup jenis ayam dan burung-burungan masih lagi dibenarkan.

Bagi tidak menjejaskan bekalan daging khinzir untuk keperluan masyarakat tertentu di negara ini, import daging khinzir beku dan segar daripada sumber-sumber lain.

Dua diplomat asing mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap dua orang perwakilan yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam.

Mereka terdiri dari Tuan Yang Terutama Tuan Qu Wenming, Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Tuan Mabili David Dlamini, Pesuruhjaya Tinggi Swaziland yang tidak menetap ke Negara Brunei Darussalam dan beribu pejabat di Kuala Lumpur, Malaysia.

Majlis yang berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengalu-alukan kedua-dua perwakilan tersebut dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.

Pengeluaran kad pengenalan baru

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Julai. - Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melimpahkan kurnia perkenan baginda bagi pelaksanaan pengeluaran Kad Pengenalan Baru Jenis Kad Pintar (Smart Card) iaitu dengan mengadakan satu Perintah Darurat bagi meminda Akta Pendaftaran Kebangsaan yang bergelar Perintah Darurat (Akta Pendaftaran Kebangsaan) (Pindaan) 2000.

Awang Sa Bali bin Abas, Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dalam siaran akhbar menegaskan, bagi melaksanakan perintah darurat itu dan juga kadar-kadar bayaran yang akan dikenakan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melimpahkan kurnia titah perkenan bagi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri membuat peraturan-peraturan menurut peruntukan di bawah Bab 6 dari Akta Pendaftaran Kebangsaan Brunei Penggal 19.

Menurut Pindaan tersebut, mana-mana orang yang ada memiliki suatu kad pengenalan yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Kebangsaan hendaklah mendaftar semula dalam suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh menteri, dengan kenyataan dalam Warta Kerajaan.

Untuk makluman orang ramai juga, menurut Peraturan-peraturan Pendaftaran Kebangsaan (Pindaan) 2000 bayaran bagi pendaftaran buat kali pertama dan pendaftaran semula adalah seperti berikut:

- Bagi kad pengenalan kuning adalah \$10.00.
- Bagi kad pengenalan ungu dan hijau adalah \$15.00.
- Bayaran bagi mengganti kad pengenalan yang hilang adalah \$20.00 bagi kehilangan kali pertama, \$50.00 bagi kehilangan kali kedua dan \$100.00 bagi kehilangan kali ketiga dan seterusnya.

Siaran akhbar hari ini menambah, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan juga menyediakan perkhidmatan pengambilan gambar dengan menggunakan kamera digital di Bahagian Kad Pengenalan dengan mengenakan bayaran \$5.00.

Perjumpaan BAS perlu kerap diadakan

BERAKAS, 8 Julai. - Interaksi di antara pegawai-pegawai pentadbir di kesemua peringkat dapat memantapkan dan mengukuhkan lagi hubungan kerja serta memupuk semangat kerjasama antaranya menerusi perjumpaan muhibah.

Melalui perjumpaan muhibah, pegawai-pegawai pentadbir berkesempatan bertukar pandangan dan pendapat termasuk mengutarakan cadangan perubahan dan pembaharuan secara konstruktif berlandaskan undang-undang dan peraturan.

Berucap dalam Majlis Perjumpaan Muhibah Pegawai-pegawai Pentadbir Brunei (BAS), Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair menjelaskan perjumpaan seumpama itu juga membolehkan kalangan pegawai pentadbir untuk mengemukakan isu-isu semasa dan secara kolektif memberikan fokus ke atas dasar-dasar, projek-projek kerajaan dan juga undang-undang serta peraturan kerajaan.

Melalui perjumpaan muhibah ini diharapkan akan dapat memberikan 'platform' kepada semua pegawai pentadbir untuk lebih komited di dalam Pelaksanaan dan Pencapaian Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21," jelasnya.

Dato Paduka seterusnya menyarankan agar perjumpaan sedemikian akan diadakan setiap dua bulan atau tiga bulan sekali secara bergilir di kalangan Setiausaha-setiausaha Tetap BAS selaku tuan rumah dengan format di setiap perjumpaan akan mengundang penceramah sama ada di kalangan pegawai-pegawai pentadbir, ketua-ketua

Oleh Bolhassan HAB

pejabat, pegawai-pegawai kanan kerajaan, para akademik dan pihak swasta termasuk para diplomat.

Majlis yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di sini telah dihadiri oleh kira-kira 147 orang pegawai pentadbir termasuk setiausaha tetap dan ketua-ketua jabatan.

Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Dr. Haji Serudin bin Datu Setiawan Haji Tinggal ketika menyampaikan ceramah 'Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21' pada majlis tersebut antara lain menjelaskan bahawa pencapaian matlamat dan objektif wawasan berkehendakkan kerjasama, penyelarasan, rasa tanggungjawab dan komitmen daripada

semua lapisan anggota perkhidmatan awam.

Menurut salah seorang pegawai pentadbir yang ditemui bual pada majlis berkenaan berpendapat bahawa perjumpaan muhibah dalam suasana informal perlu diadakan di kalangan pegawai-pegawai pentadbir sekerap yang boleh.

"Bagi diri saya sendiri yang menjawab jawatan sebagai Pegawai Pentadbir satu tahun lebih, amat berharap melalui perjumpaan ini akan membuahkan hasil yang positif," ujar Mohd. Amir bin Haji Mahmud, Pegawai Pentadbir di Jabatan Daerah Temburong.

Beliau yang berkelulusan undang-undang dari salah sebuah universiti di United Kingdom seterusnya menambah, "Melalui perjumpaan ini juga kami dapat bertukar pandangan dan pendapat dari semua peringkat jawatan."



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair ketika hadir di Majlis Perjumpaan Muhibah Pegawai-pegawai Pentadbir Brunei (BAS). Majlis berlangsung di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Berakas.

Kerajaan terus amal langkah jimat cermat



WARNA-WARNI ... Istiadat Perbarisan Kehormatan dilangsungkan dengan penuh warna-warni di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien bagi memulakan perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-54 Tahun.



SENYUMAN SEORANG RAJA ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulu Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat bercemar duli di Istiadat Perbarisan Kehormatan.

Oleh Sahari Akim

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei yang telah ditubuhkan akan menjadikan negara ini sebagai pusat kewangan kepada sektor perkhidmatan terutamanya sektor kewangan, bank, sekuriti dan insurans.

Usaha itu juga diharapkan akan dapat membuka peluang-peluang pekerjaan di samping membolehkan peralihan kepakaran dan teknologi di bidang kewangan kepada anak-anak tempatan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan perkara tersebut semasa bertitah di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-54 Tahun di Istana Nurul Iman.

Baginda menyentuh mengenai usaha kerajaan melihat dan mengkaji sistem pengurusan yang ada termasuk peraturan-peraturan yang lama yang perlu diubah dan disesuaikan terutamanya ketika melangkah mengemaskan diri menghadapi persaingan global. Ia termasuk perubahan minda dan sikap positif, usaha mengekalkan pembaziran dan mengurangkan defisit dan seterusnya meningkatkan pendapatan negara.

Kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini, titah baginda, walaupun sudah dapat diatasi, namun langkah berjimat cermat dan berhati-hati mestilah terus diamalkan kerana sikap cermat dan waspada itu mempunyai nilai dan keberkatannya yang tersendiri.

Baginda seterusnya menekankan, agar projek-projek yang sudah dan akan diperuntukkan mestilah diselenggarakan dengan sebaik-baiknya secara kos efektif dan 'value for money' mengikut landasan peraturan dan undang-undang yang telah ditentukan.

Menurut baginda lagi, keamanan dan kestabilan di rantau ini adalah merupakan salah satu faktor utama bagi membolehkan rakyat dan penduduk menikmati kesejahteraan dan pembangunan negara.

"Dalam usaha meningkatkan kestabilan serantau, Negara Brunei Darussalam akan terus mengutamakan prinsip-prinsip kerjasama bersama-sama dengan negara-negara sahabat," jelas baginda.

Konsep tersebut, titah baginda lagi, juga akan dipakai melalui kerjasama dengan APEC, sebagaimana juga dengan ASEAN tidak terkecuali Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Komanwel, pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa yang lain.

Dari muka I

"Dalam penyelesaian terhadap apa juga masalah, kita tidaklah perlu terlalu riuh-rendah, tetapi apa yang penting, masalah itu dapat diuraikan dengan sebaik-baiknya tanpa membazirkan masa dan perbelanjaan yang terlalu banyak.

Inilah cara kita, cara Brunei sendiri, di mana semua pihak mestilah turut menghormatinya, seperti juga kita menghormati cara orang lain," titah baginda.

**BERSAMA RAKYAT :
WADAH PEMIMPIN
DENGAN YANG DIPIMPIN**

BRUNEI

A Kingdom Of Unexpected Treasures

دربیتکن اوله جباتن قراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.